

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.
 - Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Vo Van Thuong berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Sosialis Viet Nam yang baharu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Vo Van Thuong berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Sosialis Viet Nam yang baharu.

Lipat gandakan pendekatan Whole of Government, Whole of Nation

Oleh: Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Mengenai isu pengangguran yang mana perlu diberi perhatian seperti yang ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Khamis lalu yang menekankan mengenai



kepentingan bagi perkara tersebut agar ditangani secara bersepadu bukan sahaja secara Whole of Government Approach, bahkan secara Whole of Nation Approach di mana semua pihak sama ada kerajaan, swasta mahupun masyarakat memberikan kerjasama dan sokongan padu bagi sama-sama mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

>> Muka 4

Mensyukuri nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Malam Munajat bergema lagi malam tadi anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-77 dan Mensyukuri Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang mengundang para tetamu khas terdiri daripada belia Da'ie,

Pusat Da'wah Islamiah; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dari Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos; Masjid Kampung Keriam; dan Masjid Kampung Masin; serta guru-guru agama di bawah Jabatan Pengajian Islam (JPI); dan Persatuan Melayu Keriam (PESAKA).

>> Muka 3



Berita Utama



AMBIL hikmah peristiwa Israk Mikraj

Muka 11



AWANG Haji Ar'fan calon tunggal Penghulu Mukim Pengkalan Batu

Muka 12



2 cef tempatan harumkan nama negara

Muka 19



ENEVO Sendirian Berhad - Atasi masalah sisa buangan

Muka 20

Contohi akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

Oleh : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Peristiwa Israk dan Mikraj yang terjadi kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperlihatkan keagungan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala yang menguji logika akal fikiran dan iman manusia.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ahmad Ahyad bin Haji Aymnoor pada sesi tazkirah Subuh bagi Program Pejuang Fajr Ke-10 yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Jelasnya, peristiwa Israk dan Mikraj Baginda itu hanya mengambil masa satu malam sahaja daripada perjalanan Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dan seterusnya, iaitu Mikraj dari Masjidil Aqsa ke Sidratulmuntaha.

Secara logik tambahnya, akal fikiran manusia dalam perkara ini adalah mustahil untuk mencapai kecepatan berkenaan namun dengan kehendak dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dapat melakukan perjalanan berkenaan dalam tempoh yang singkat.

>> Muka 12



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun 1444H / 2023M, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

**Assalamualaikum Warahmatullah
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee**

**Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

A LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya

jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Persidangan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Beta terlebih dahulu, mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, di atas perlantikan semula sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Beta juga mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu dilantik. Ucapan penghargaan dan

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara perlu berfikiran terbuka, menyuarakkan isu berbentuk strategik

ucapan terima kasih juga beta tujuan kepada mantan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan Majlis yang lalu.

Beta berharap ahli-ahli baharu yang dilantik akan dapat menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas bagi memberikan apa jua pandangan serta bersikap terbuka dengan anak buah ketika mendapatkan pendapat dan maklum balas daripada mereka masing-masing.

Begitu juga ketika membahas sesuatu perkara, sikap ini juga penting, sambil pemikiran jangan lari dari mencari impak positif untuk negara. Inilah masanya untuk berbincang tanpa terikat dengan syarat-syarat yang merugikan.

Beta mahu semua ahli hendaklah berfikiran terbuka tetapi bebas daripada sebarang pengaruh luar. Kerana kita sesungguhnya tidak mahu sebarang anasir mungkin mencemari kemurnian Calak Brunei kita.

Secara khusus, beta juga berharap supaya Ahli-Ahli Majlis dari kalangan Orang-Orang Bergelar, yang mempunyai pengalaman luas, akan dapat menjadi teladan terbaik dalam menyuarakkan isu-isu yang berbentuk strategik. Manakala perkara-perkara yang bersifat operasi dan taktikal bolehlah dibincangkan bersama agensi-agensi yang berkenaan di luar Dewan Majlis dari masa ke semasa.

Sangat penting diambil kira ialah cabaran untuk meningkatkan Hasil Kerajaan beta dan dalam masa yang sama, perbelanjaan

yang akan dibahas dan diluluskan dalam Mesyuarat MMN nanti akan benar-benar memberi impak positif kepada negara dan rakyat tanpa terlalu banyak membebankan Kerajaan beta.

Janganlah lupa, antara isu penting yang perlu diberikan perhatian ialah isu pengangguran. Beta yakin dengan adanya kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak yang berkepentingan, maka kadar pengangguran boleh dikurangkan, sebagaimana telah dicapai sebelum ini, iaitu kadar pengangguran menurun kepada 4.9 peratus pada tahun 2021 berbanding 7.3 peratus pada tahun 2020.

Kerajaan beta melalui Sekretariat tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) sentiasa merancang dan melaksanakan beberapa strategi melalui pendekatan Whole of Government and Whole of Nation supaya kebajikan dan kepentingan para pencari kerja tempatan diperkasa dengan latihan semula, dan peningkatan ilmu pengetahuan untuk memudahkan mendapat pekerjaan.

Dalam meningkatkan kemahiran profesional anak-anak tempatan di syarikat swasta di Sektor Pembinaan dan Tenaga, HSE Competency Apprentice Program telah diperkenalkan untuk membolehkan mereka layak mendaftar sebagai Workplace Safety and Health Officer (WSHO) atau penyelaras di tempat kerja mengikut piawaian Safety, Health and Environmental National Authority atau SHENA.

>> Muka 12

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	ISNIN	13	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
7	SELASA	14	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.46	6.33	7.42
8	RABU	15	5.02	5.12	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	KHAMIS	16	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.45	6.33	7.42
10	JUMAAT	17	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
11	SABTU	18	5.01	5.11	6.28	6.51	12.32	3.44	6.32	7.41
12	AHAD	19	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C	
Pekan Bangar			
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C	
Pekan Tutong			
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C	
Kuala Belait			
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

6 MAC 2023

Persiapan diri untuk bulan Ramadan

KEDATANGAN bulan Ramadan semakin dekat, inilah masanya kita membuat persediaan dan mencuba memperbaiki diri untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan meraih sebanyak mungkin pahala dari amalan-amalan sunnah dan juga dari memperbaiki amal ibadah yang wajib.

Amal ibadah yang wajib bagi orang Islam adalah sembahyang lima waktu. Adalah wajar untuk kita mencuba sedaya upaya untuk memperbaiki amalan yang wajib dahulu. Mungkin ada di antara kita yang terlalu sibuk dengan komitmen kerja dan keluarga atau kurang bijak membahagi masa, kita berasakan susah untuk mendirikan solat lima waktu dan mudah ketinggalan waktu dan kemudian menggantikan solat tertinggal dengan solat qada. Untuk bulan Ramadan tahun ini, jadikanlah salah satu matlamat kita untuk menunaikan solat fardu di awal waktu, tidak melambat-lambatkannya dan juga untuk cuba menunaikan kelima-lima solat fardu tanpa ada yang tertinggal.

Menunaikan solat fardu lima waktu dengan ikhlas dan sempurna adalah penting kerana ia boleh membantu mencegah diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, "Dan dirikanlah sembahyang dengan tekun, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar." Apabila kita mengaitkan perkara ini dengan ibadah puasa ia adalah sangat relevan kerana apabila kita melakukan ibadah puasa, kita bukan sekadar menahan lapar dan dahaga kita juga menahan diri kita dari melakukan perkara-perkara yang membawa kepada dosa. Apabila kita melaksanakan ibadah sembahyang kita akan memperoleh banyak hikmah, di antaranya adalah ketenangan hati dan jiwa yang datang dari pembaikan hubungan di antara hamba kepada tuhan.

Satu lagi amalan yang boleh kita perbaiki adalah amalan membaca Al-Quran. Menurut sejarah Islam, satu peristiwa agung terjadi pada bulan Ramadan adalah Nuzul Al-Quran. Pada peristiwa ini Al-Quran diturunkan ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai petunjuk kepada umat manusia. Dengan membaca Al-Quran kita juga boleh mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Jadikanlah bulan Ramadan ini masa untuk membaca Al-Quran, InsyaaAllah akan dilipat ganda pahala orang yang membaca Al-Quran di bulan Ramadan. Seperti dalam hadis riwayat Imam at-Tirmidzi daripada Ibnu Mas'ud Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Siapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah dia akan memperoleh satu kebajikan. Dan satu kebajikan atau pahala itu pula digandakan lagi dengan 10 kali ganda. saya tidak mengatakan Alif Lam Min itu satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Min satu huruf".

- Ketua Penyuntingan (Nr)

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kesultanan Oman, Puan Yang Terutama Noralizan binti Abdul Momin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan; dan Wakil Tetap NBD ke ASEAN di Jakarta, Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Latifah binti Zaini.

Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik tersebut menerima Surat-surat Watikah Pelantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu (kanan dan bawah kanan). Sementara gambar kiri, DYTMM berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik.

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Februari 2023.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry, dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke NBD, Tuan Yang Terutama Mikhail Vladimirovich Baranov.

Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke NBD tersebut telah menyebarkan Surat-surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Februari 2023.

Majlis-majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Qashr Al-Meezaan.



Mensyukuri nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Ia turut disemarakkan oleh pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 terdiri daripada 384 orang pelatih lelaki dan 129 orang pelatih wanita yang melaungkan bacaan Selawat beramai-ramai dari Surau, Kem Latihan PKBN, Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

Malam Munajat berkenaan juga menyaksikan penyertaan jemaah daripada 101 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga KKBS dan KHEU beserta keluarga daripada kediaman masing-masing.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku tetamu khas memulakan acara pada malam berkenaan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Dewan Digadong, KKBS.

Menyertai Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, Sekolah Rendah Tanjung Kindana, Awang

Haji Norzlan bin Haji Sapar, bersama guru-guru ugama Bahagian IRK, JPI, KHEU dari Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop.

Diikuti dengan bacaan Doa Munajat dibawakan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, KHEU, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, dari Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos.

Sementara, tazkirah bertajuk 'Mensyukuri Nikmat Hari Kebangsaan' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Muhammad Fuad bin Matahir, selaku Pengerusi Belia Da'ie, PDI, KHEU dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Inti pati tazkirah antara lain menekankan kepentingan untuk kitani bersyukur selaku rakyat NBD di mana sangat banyak nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kitani rakyat NBD, dan semua itu tidak cukup disyukuri dengan hanya menyebut alhamdulillah.

Malah, perlu kitani untuk menggunakan segala nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kitani, iaitu tenaga; potensi; harta; masa; dan kelebihan yang diberikan



MALAM Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

kepada kitani untuk kita berusaha mendekatkan lagi diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu syukurnya kita sebagai rakyat adalah dengan memberi sumbangan untuk sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035 demi masa depan NBD.

Selesai sahaja tazkirah, bacaan Selawat Tajriyyah beramai-ramai dipimpin oleh PESAKA dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Keriam, Tutong dari Masjid Kampung Keriam, Tutong.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Jeffry bin Haji Metassim, dari Masjid Kampung Masin.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan NBD sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diinginkan dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana juga mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau melalui Instagram PDI @pdi_kheu.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

LIPAT GANDAKAN PENDEKATAN WHOLE OF GOVERNMENT, WHOLE OF NATION

Oleh: Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

>> Muka 1

Usulan tersebut adalah antara yang digariskan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim dalam Perkara V semasa hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Usulan seterusnya adalah mengenai peranan yang dimainkan oleh sektor swasta, khususnya Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, ringkasnya PMKS, dalam menggiatkan perkembangan ekonomi negara.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menjelaskan Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut menekankan mengenai kepentingan menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan mesra-pelanggan bagi menggalakkan lebih ramai

warga tempatan untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan, di samping menggalakkan perusahaan-perusahaan yang sedia ada untuk terus berkembang maju.

Oleh yang demikian usul Yang Berhormat, usaha-usaha ke arah meningkatkan kedudukan negara dalam indeks Ease of Doing Business perlu terus dilaksanakan untuk menjadikan negara sebagai *pro-business* dan *pro-pelaburan*, yang mana juga diharap akan dapat menarik lebih ramai pelabur asing untuk menjalankan operasi perniagaan di negara ini.

Yang Berhormat juga mengusulkan mengenai Mengenai Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang mana insyaaAllah akan dilancarkan pada bulan Julai tahun ini bagi menggantikan Skim TAP dan SCP yang berjalan pada masa ini.

Menurutnya, skim persaraan yang baharu diharap akan dapat mengukuhkan lagi perlindungan dan kesejahteraan sosial rakyat semasa hari persaraan dengan mengambil kira beberapa faktor dan cabaran yang dihadapi pada masa ini, antaranya dari aspek kecukupan pendapatan semasa persaraan, pengeluaran

simpanan yang lebih fleksibel dan keperluan untuk menyediakan skim persaraan yang lebih inklusif.

Akhir sekali, Yang Berhormat telah mengusulkan mengenai komitmen antarabangsa negara ke arah menangani isu perubahan iklim, di mana Kebawah DYMM telah memperkenalkan bagi Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Pusat Pertubuhan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change).

"Selain berfungsi sebagai pusat penyelidikan mengenai perubahan iklim, penubuhan

pusat di negara ini juga diharap akan dapat meningkatkan keupayaan dan kepakaran warga tempatan khususnya di dalam bidang perubahan iklim melalui knowledge transfer," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyeru kepada seluruh warga perkhidmatan awam, sektor swasta dan lapisan rakyat dan penduduk di negara ini untuk terus melipat-gandakan usaha masing-masing melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation, dalam sama-sama mendukung kepimpinan Kebawah DYMM, khususnya dalam memenuhi hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.



YANG Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tanai tanggungjawab dengan ikhlas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi dalam ucapan usulannya telah menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya semua Ahli-ahli Yang Dilantik akan dapat menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas bagi memberikan apa jua pandangan, dalam masa yang sama baginda juga bertitah supaya mereka termasuklah ahli-ahli di sebelah sini akan bersikap terbuka dengan anak-anak buah ketika mendapatkan pendapat dan maklum balas daripada mereka masing-masing.

Pada hemat Yang Berhormat, titah menyebut agar bersikap terbuka dengan anak buah kepada Ahli-ahli MMN yang baharu dilantik yang mewakili daerah-daerah (menurut Ceraian 5 (iv) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)) Perlembagaan Negara yang mana mereka itu menurut lantikan pada

masa ini adalah terdiri daripada Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang mewakili penduduk di daerah-daerah.

Menurut Yang Berhormat, mereka ini masing-masing ditentukan untuk memeduli hal ehwal kebajikan penduduk iaitu anak buah mereka dan hal ehwal keadaan mukim serta kampung tertentu.

"Maka titah dalam konteks itu, adalah mengharap dan pada hemat kaola bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menaruh kepercayaan terhadap keupayaan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN yang dilantik bagi mewakili daerah menurut peruntukan dalam Perlembagaan Negara seperti

Yang Berhormat telah sebutkan.

"Dan supaya mereka akan sentiasa berdamping dengan rakyat, penduduk mukim dan kampung.

"Dalam hal ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola melihat ada hubungannya dengan institusi mukim dan kampung yang masing-masing dengan majlis perundingannya sebagai perlembagaan permesyuaratan ahli-ahlinya yang dilantik menurut aturan-aturannya," terangnya.

Maksud Yang Berhormat ialah Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung perlulah aktif dan perlulah responsif dalam melihat hal ehwal rakyat penduduk di mukim dan kampung masing-masing kerana menerusi

majlis-majlis perundingan mukim dan kampung, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung adalah memikul dan membeban dengan menjunjung tinggi amanah tanggungjawab jawatan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, mereka adalah pemimpin peringkat mukim dan kampung, namun mereka tidak bersendirian, di mukim dan kampung ada masjid ada sekolah, maka penghulu dan ketua kampung tentu ada rakan sekepimpinan bagi institusi-institusi seperti dari masjid-masjid dan sekolah-sekolah itu.

Maka penghulu dan ketua kampung tidaklah keseorangan untuk memperkasakan kepimpinan mukim dan kampungnya.

Dalam pada itu, Yang Berhormat sedia memahami bahawa untuk mengukuhkan atau memperkasakan majlis-majlis perundingan mukim dan kampung itu adalah juga bergantung kepada faktor-faktor yang lain.

Apa pun faktornya, Yang Berhormat yakin akan dan boleh dilihat dengan berkesan melalui pendekatan kita Whole of Government dan Whole of Nation.

Yang Berhormat juga melihat bahawa dalam keadaan bekerjasama yang rapat itu nanti, Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili daerah-daerah dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

rakan-rakan kepimpinan mukim dan kampung masing-masing, mereka bersama hendaklah juga mengambil perhatian berat kepada maksud titah yang dimahukan supaya Ahli-ahli MMN dikehendaki berfikir terbuka tetapi bebas daripada sebarang pengaruh luar.

Maksud titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu adalah sangat mustahak dijunjung dalam erti kata sangat mustahak masing-masing kita bersikap sedia mendengar apa jua maklum balas namun dalam masa yang sama mestilah berwaspada dan bijak menimbangkan apa jua fikiran dan maklum balas yang disarankan.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

ELAK PENGARUH LUAR, JAGA KELUHAN 'CALAK BRUNEI'

Oleh: Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Pastikan dengan sebenarnya dengan bijak dan penuh penelitian ia tidak datang daripada anasir-anasir pengaruh luar kerana sebagaimana juga yang dititahkan bahawa kita sesungguhnya tidak mahu sebarang anasir mungkin anasir luar mencemari keluhuran 'Calak Brunei' kita.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebelum ini juga menyebut keluhuran 'Calak Brunei' kita yang bermaksud untuk kita tidak mencemarinya dan dirumuskan dari segi aspek dan sudut-sudut kesejarahan, kebudayaan dan

juga dilihat kepada sosiopolitik realitinya dari rumusan-rumusan itu kita telah menyebut dan memasyhurnya bahawa Negara Brunei Darussalam dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala akan selama-lamanya kekal menjadi Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, demokratik dan bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji

Awang Othman menekankan perkara tersebut pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

"Inilah inti pati 'Calak Brunei' yang luhur dan tidak dicemarkan. Dalam keluhuran calaknya itu kita telah berazam menerusi kemasyhuran kemerdekaan pada tengah malam 31hb Disember 1983M menjelang 1hb Januari 1984M yang terasnya ialah akan berusaha membangun dan memajukan negara ini, memelihara kesejahteraan rakyat, memelihara keutuhan wilayahnya, memelihara

hubungan persahabatan dan antarabangsa dan bebas dari campur tangan asing.

"Dengan itu, jelas bahawa negara kita akan terus berkembang dan maju dengan kemodenannya," tegas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, kita rakyat dan penduduk generasi demi generasi akan kekal dengan identiti bangsa yang taat mendukung pemerintahan beraja, memelihara dan menghormati nilai-nilai ugama Islam dan amalan terbaik-kebaikan tradisi hidup untuk keharmonian.

Terangnya lagi, kita insaf sebagai negara dan bangsa bahawa kita tidak menoleh pandang ke belakang untuk bertahan ditakuk lama, kita

mesti dan telah pun bergerak ke hadapan dengan yakin menempuh zaman yang berubah.

"Namun yang pasti kita yakin dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala bahawa kita, bangsa kita, negara kita akan kekal dengan calaknya sebagaimana ia telah dipertahankan oleh generasi demi generasi pendahulu kita hingga ia diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk kekal dengan wilayahnya walau kecil seampai tangan namun cantik, manis, molek, indah, menawan dengan bilangan penduduknya senang di bilang mengikut hitungan jari namun itulah kita dengan calak Brunei kita yang mumi yang kita pertahankan untuk tidak dicemari," tambah Yang Berhormat.

Pastikan perancangan, pengurusan sumber tenaga manusia teratur

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) merupakan nasihat dan saranan yang mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan sifat pemeduliaan baginda yang sangat mendalam dan berterusan kebijaksanaan serta pandangan jauh baginda dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta kemakmuran negara sentiasa terjamin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof seterusnya berucap, terutama sekali dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran masa kini termasuk COVID-19 yang masih kita perangi dalam norma baharu di samping bersiap siaga menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang yang tidak menentu dan tidak dapat diramal.

Dari pengamatan dan berasaskan inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat telah mengetengahkan beberapa perkara utama seperti isu pengangguran di pelbagai peringkat.

Baginda telah bertitah dan

yakin dengan kerjasama dan sokongan padu dari setiap pihak berkepentingan kadar pengangguran akan dapat terus dikurangkan lagi sepertimana jua yang dicapai sebelum ini. Kadar pengangguran menurun kepada 4.9 peratus pada tahun 2021 berbanding 7.3 peratus pada tahun 2020.

Dalam hal ini, JPM akan meningkatkan usaha kerjasama dengan kementerian / jabatan-jabatan kerajaan dalam memastikan perancangan dan pengurusan sumber tenaga manusia adalah teratur bagi membolehkan proses pengisian jawatan dipercepatkan dengan bantuan dan sokongan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di jabatan-jabatan masing-masing.

Selaras jua dengan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke Jabatan SPA.

Skim-skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan perkhidmatan awam akan diteliti dan diperbaiki bagi memastikan peluang-peluang kerjaya adalah lebih terbuka dan adil dengan mengambil kira latar belakang dan kelulusan daripada pelbagai jenis bidang.

Berucap dalam menyokong usul Penasihat Khas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang

Ibrahim iaitu usul menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dalam melihat jua peluang-peluang pekerjaan secara menyeluruh sama ada dalam kerajaan mahupun sektor swasta, Secretariat Manpower Planning And Employment Council (MPEC) melalui JobCentre Brunei dan dengan usaha sama Kementerian Pendidikan menawarkan pelbagai program latihan selaras dengan permintaan pasaran pekerjaan masa kini.

Kursus-kursus ditawarkan yang merangkumi kelulusan dalam bidang-bidang berkaitan pengurusan dan perniagaan dihasilkan sebagai peluang-peluang *rescalling* dan *upscalling* dalam kalangan pencari-pencari kerja di samping juga memberi manfaat sebagai pemboleh daya bagi kemajuan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Berucap pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat menjelaskan bahawa inisiatif terbaharu pihak MPEC, menyediakan garis panduan, kadar gaji minimum bagi sektor swasta turut diterima baik oleh para pencari-pencari kerja, kerana terdapat banyak keluhan dalam kalangan pekerja tempatan di sektor swasta, merasakan perbezaan yang ketara antara kadar gaji di sektor swasta berbanding sektor kerajaan.

"Ramai pekerja yang berpendapatan rendah yang merasakan terbeban dengan kenaikan harga barangan

keperluan. Garis panduan ini diharap akan dapat memberikan pengetahuan kepada majikan dan orang awam tentang sukat-sukat gaji yang sepatutnya diterima bagi pekerjaan-pekerjaan yang telah disenaraikan.

"Selain bertujuan menjaga kebajikan pekerja-pekerja, garis panduan ini juga diharap akan dapat membantu meningkatkan produktiviti dan kadar *employee retention* di sektor swasta menyumbang kepada perbelanjaan awam dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

"Walaupun inisiatif ini dianggap baik, namun pihak kerajaan menyedari pelaksanaannya tidak akan semudah seperti yang diharapkan. Ini kerana keupayaan pihak swasta untuk melaksanakan kadar gaji minimum ini sangat bergantung pada pertumbuhan ekonomi yang stabil dan mampan," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam keadaan ekonomi negara yang masih berdepan dengan defisit yang berpanjangan, tambah Yang Berhormat, perniagaan-perniagaan yang masih dalam fasa pemulihan selepas COVID-19 dan kekurangan firma atau syarikat antarabangsa yang beroperasi di negara ini, inisiatif ini akan sukar untuk dilaksanakan sepenuhnya. Justeru itu, pihak kerajaan pada waktu ini memutuskan agar garis panduan ini tidak mewajibkan pelaksanaannya.

"Ke arah ini juga pelbagai program telah pun diselenggarakan atas usaha sama antara agensi-agensi kepentingan kerajaan, pihak industri dan swasta dan juga institusi-institusi pengajian tinggi bagi memenuhi permintaan industri di sektor



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

tenaga dengan menghasilkan tenaga kerja tempatan yang mempunyai kemahiran teknikal khas yang diperlukan oleh pihak industri," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II lagi.

Yang Berhormat seterusnya berucap, Program I-Skill dan Industrial Skill Qualification (ISQ) yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah berhasil mengeluarkan lebih daripada 200 pelajar *welder*, *marker filter*, *scaffolder* dan *reger* sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2020 dan sebahagian besar daripada jumlah itu terus berjaya diambil bekerja.

Di samping itu, usaha-usaha bagi mengukuhkan penguatkuasaan arahan Brunei Session bagi syarikat-syarikat pengendali utama minyak dan gas negara giat diketengahkan bagi memperluaskan lagi peluang anak-anak tempatan mengambil alih tenaga pekerja asing melalui aliran perancangan penggantian atau *succession plan*.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PMKS PENTING DALAM MEMPERGIATKAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menitahkan supaya peranan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membentuk 97.2 peratus daripada jumlah keseluruhan perusahaan aktif di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020.

PMKS adalah sangat penting dalam menggiatkan ekonomi negara. Dengan itu, persekitaran perniagaan harus terus-menerus diperbaiki untuk menggalakkan lebih ramai usahawan untuk menceburi bidang perniagaan dan perusahaan serta menggalakkan perusahaan-perusahaan yang sedia ada untuk terus berkembang.

"Alhamdulillah, kita juga telah melihat kedayatahan atau *resilient* serta ketangkasan PMKS di negara ini ke arah menggalakkan aktiviti perekonomian dengan menerima pakai kaedah-kaedah modal perniagaan yang pelbagai dan kreatif serta pengurusan teknologi terkini dalam mengatasi cabaran-cabaran kesan daripada COVID-19 demi meneruskan kelangsungan perniagaan dan survival masing-masing".

Demikian antara yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka

Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menyokong usul Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim iaitu usul menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hari ini.

Dalam hal ini, jelas Yang Berhormat seterusnya, JPM sebagai agensi utama dalam menerajui dan menyelaras pelaksanaan fungsi jentera-jentera kerajaan akan terus mendukung, meningkatkan tahap penyampaian Perkhidmatan Awam yang akan memangkin pembangunan perekonomian negara yang berdayatahan serta menjaga kepentingan, keamanan dan keharmonian negara rakyat dan penduduk negara ini selaras jua dengan visi Pelan Strategik JPM iaitu 'Kepimpinan Dan Urustadhir Yang Cemerlang' dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Usaha-usaha dalam mempertingkatkan perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai akan terus diberikan keutamaan di samping penggunaan teknologi maklumat dalam penyampaian perkhidmatan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien

dan mesra pelanggan.

Dalam mendukung pembangunan industri PMKS, tambah Yang Berhormat lagi, JPM melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) melaksanakan penilaian terhadap jabatan-jabatan yang menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan melalui Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA).

Antara skop penilaian menumpukan kepada pengurusan kerja dan pembaikan mutu perkhidmatan dalam memenuhi ekspektasi pelanggan yang antaranya terdiri daripada syarikat-syarikat perniagaan.

Dengan pengauditan yang dilaksanakan melalui 3PSA akan memastikan pemberian perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang diperlukan oleh para peniaga dijalankan dengan cekap dan dapat memudah cara, pihak PMKS beroperasi dan menjalankan perniagaan dengan sempurna.

Dalam masa yang sama, JPM melalui agensi-agensi keselamatan memainkan peranan penting kepada mewujudkan persekitaran yang selamat bagi mendukung perkembangan PMKS.

Tambahan lagi dalam usaha negara menarik Pelaburan Langsung Asing atau FDI yang juga berpotensi menghasilkan peluang perniagaan kepada PMKS melalui perkhidmatan dukungan kepada syarikat-

syarikat FDI.

Berucap pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan tumpuan juga diberikan kepada memastikan undang-undang dan sistem perundangan negara akan sentiasa dikemas kini dan relevan berpandukan kepada amalan-amalan terbaik serantau mahupun antarabangsa dalam memberikan persekitaran perundangan yang kondusif kepada memastikan PMKS dan FDI akan dapat berdaya saing dan berdayatahan dan seterusnya menyumbang kepada menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Selain itu, pelaksanaan dan pematuhan arahan pembangunan perniagaan tempatan (Local Business Development Directive) bagi sektor tenaga akan terus dikukuhkan untuk memberi peluang perniagaan dan meningkatkan kemampuan keupayaan syarikat-syarikat tempatan termasuklah PMKS.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, Jabatan Tenaga di JPM juga menerajui inisiatif Program i-Usahawan bagi Sektor Minyak dan Gas dan Sektor Kuasa Elektrik.

"Melalui program ini usahawan belia tempatan diberikan peluang



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

bersaing secara kompetitif untuk mendapatkan kontrak yang dikhususkan. Setakat tahun 2022 sebanyak 23 kontrak telah dianugerahkan kepada 32 usahawan belia dengan jumlah keseluruhan nilai kontrak sebanyak lebih kurang BND30 juta dan membuka peluang pekerjaan kepada seramai 360 orang anak tempatan.

"Program ini berhasrat melahirkan usahawan-usahawan belia yang berkapasiti tinggi, mandiri lagi berdaya tahan dan mampu mengekalkan serta mengembangkan perniagaan-perniagaan mereka ke arah menjadi sebuah syarikat yang sentiasa berdaya saing dan mampan," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya mengenai inti pati titah Kebawah DYMM.

Tingkatkan tahap pengetahuan, naik taraf kemahiran profesional pencari kerja



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd Shahrizal Haji Said

berkata bahawa isi kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi MMN pada dua hari yang lalu adalah sangat signifikan dan dijangka tinggi yang berpandangan jauh yang melangkaui pelbagai aspek dari hasrat baginda yang murni untuk bersama-sama kita mengembangkan dan memantapkan negara ini bukan sahaja dalam bidang perekonomian, perniagaan, perusahaan termasuklah meningkatkan kualiti kehidupan yang menjurus kepada kehidupan yang lebih tinggi demi kesejahteraan, kebajikan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu mengenai isu pengangguran yang berbangkit dengan titah baginda, Yang Berhormat menegaskan bahawa hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya adalah amat

penting dalam kalangan pencari kerja tempatan diberi latihan, ditingkatkan tahap pengetahuan dan dinaik taraf kemahiran profesional masing-masing supaya dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan semasa.

"Berhubung dengan isu ini, pengangguran ini bukan sahaja mengaitkan dengan pekerja-pekerja yang mempunyai kelayakan akademik atau teknikal tetapi kita juga harus memikirkan pencari-pencari kerja yang tidak mempunyai kelayakan atau kelulusan seperti *school drop-outs*. Apakah yang perlu kita lakukan mereka ini juga berpeluang mendapat peluang pekerjaan," tambah Yang Berhormat lagi.

"Isu pengangguran adalah juga banyak hubung kaitnya dengan masalah sosial seperti kemiskinan, jenayah, penyalahgunaan dadah, masalah kekeluargaan dan perceraian dan lagi lain-lain isu yang berkaitan.

"Penubuhan Sekretariat Tetap

Manpower Planning dan Employment Council yang telah membuat langkah-langkah, perancangan-perancangan strategik dan *plan of action* bagi membantu para pencari i kerja tatacara meningkatkan lagi lebih ramai rakyat dan penduduk berkecimpung dalam pelbagai bidang profesional forum latihan teknikal dan berkemahiran.

"Ia dihasratkan agar mereka ini lebih mekanikal selari dengan kehendak perkembangan industri pelbagai sektor adalah sangat dihargai dan bertepatan dalam menangani isu pengangguran disebabkan oleh kurang kemahiran dan ilmu pengetahuan".

Mengenai bidang ekonomi, Yang Berhormat menjelaskan bahawa peranan Perusahaan, Mikro, Kecil dan sederhana (PMKS) terutama sekali yang melibatkan peniaga-peniaga tempatan adalah sangat-sangat penting untuk dikembangkan dan diperbaiki agar berpotensi untuk dieksport.

Apa yang mustahak di sini, ujar Yang Berhormat adalah

bersama-sama untuk meneliti dan mengenal pasti dasar atau polisi kerajaan yang membolehkan pengeksporan produk keluar negeri yang antara lainnya adalah dari segi kompeten autoriti bagi produk *testing*.

Tambah Yang Berhormat lagi, kedua persetujuan bersama ataupun *arrangement* di antara kerajaan dengan kerajaan bagi akses untuk membolehkan eksport itu akan dilaksanakan dan yang paling mustahak juga antaranya ialah *access* dari aspek infrastruktur seperti bekalan elektrik, air, logistik dan pengurusan tenaga meningkatkan *probability of success* dalam sama-sama untuk cuba mengeksport produk-produk keluaran daripada Negara Brunei Darussalam.

Selain dari itu, ia juga sudah setentunya memerlukan strategi yang mantap bukan sahaja dari aspek *packaging*, penggunaan mesin yang berteknologi tinggi, kualiti, pengeluaran produk berskala besar, strategi pemasaran, pengurusan tenaga kerja (*manpower*) berkemahiran dan lain-lain.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

UTAMAKAN SIFAT BERMUAFAKAT, KEBAJIKAN RAKYAT JADI KEUTAMAAN

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd Shahrizal Haji Said



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - "Kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa perasmian majlis ini terutamanya mengenai dengan peranan Ahli-ahli Majlis supaya memberikan pandangan dengan ikhlas secara terbuka dan menyuarakan isu-isu yang berbentuk strategik yang akan memberikan impak positif kepada negara, jelas sekali mengimbau kita untuk menaikkan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi, komitmen, ikhlas lagi jujur".

Demikian ucapan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN berlangsung pagi tadi.

Yang Berhormat berpendapat sikap dan berfikir terbuka tetapi bebas dari sebarang pengaruh luar

yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia titahkan itu jelas menjadi titik tolak pada kita semua untuk menilai sendiri landasan kita dalam menyuarakan pandangan kita dalam majlis ini.

Kerana apa jua pandangan dalam majlis ini ia akan sedikit sebanyak akan mencorakkan dan mewarnai kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

"Bagi kaola konteks keterbukaan ini bukan sahaja menjurus kepada memberikan pandangan yang positif, konstruktif dan ikhlas bahkan kita jua perlu terbuka dalam menerima pandangan dan maklum balas dari pihak-pihak yang berkepentingan untuk kementerian rakyat dan kemakmuran negara. Inilah ciri-ciri istimewa kemurnian 'Calak Brunei' dalam kita bernegara yang berlandaskan amalan Melayu Islam Beraja.

"Ia mengutamakan sifat bermuafakat dengan memberi keutamaan keprihatinan rakyat semata-mata untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Baldatun Toyyibatun Warobbutun Ghofur iaitu negara yang aman makmur lagi sejahtera dalam mendapat keredaan Allah yang Maha Pengampun," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, dalam persekitaran dunia yang masih bergelut dalam bermacam masalah seperti pandemik sosioekonomi, geopolitik dan perubahan iklim adalah penting untuk kita sama-sama mengorak langkah ke hadapan berganding bahu mengukuhkan perpaduan menyatukan tekad serta azam bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2023.

"Bagi kaola inilah perkara strategik yang paling utama

untuk diberikan perhatian yang mendalam dan holistik, ini kerana impaknya yang menyeluruh bukan sahaja kepada kemakmuran keamanan dan kestabilan negara malahan untuk kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di dalamnya.

"Ia merangkumi ataupun inkompasing isu-isu fundamental seperti pertumbuhan ekonomi, penglibatan rakyat dalam memajukan negara dan ekonomi, pengangguran, pembasmian kemiskinan, Sistem Pendidikan yang *teacher ready*, jaminan sosial rakyat, transformasi digital *future economy* dan lain-lain," kata Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menegaskan, untuk mencapai sasaran Wawasan Brunei 2035 dengan jayanya kita semua perlu bekerja keras menempuh dan mengatasi semua cabaran namun dengan izin dan petunjuk Allah ia bukanlah satu perkara yang mustahil untuk direalisasikan mengikut hasrat dan mengikut *time frame* yang telah ditetapkan.

"Apa yang perlu ialah kerjasama erat dan padu," tegasnya.

Tambahnya, koordinasi kukuh dan semua *stakeholder*, keyakinan penuh rakyat di semua peringkat dengan erti kata *believing is seeing, delivering system* yang efisien, efektif dan tulus pemantauan rapi dan sistem penilaian semula yang kredibel terhadap sasaran-sasaran dan program-program yang telah dirancang supaya ia berjalan dalam landasan yang betul selari dan selaras.

Mengenai pengurusan kewangan yang berhemah, Yang Berhormat menyatakan hendaklah dilihat bukan sahaja sebagai usaha untuk menjimatkan perbelanjaan

semata-mata malahan ia patut juga dinilai sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan negara dan perancangan sosioekonomi negara secara menyeluruh.

"Ini jelas kita hayati dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berhubung kait dengan cabaran untuk meningkatkan hasil isu pengangguran dan bidang ekonomi dan membabitkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi kerana telah dapat menghasilkan Economic Blueprint yang komprehensif, *sustainable* dan global yang mencakupi semua bidang.

"Saya berharap Economic Blueprint ini akan dilengkapi dengan broadband yang *transparent*, komprehensif, *inclusive* dan *workable* yang akan memuatkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan peningkatan hasil negara usaha menarik lagi banyak FDI ke negara ini di samping merangsang lagi aktiviti-aktiviti ekonomi secara holistik".

Di samping *comparative advantages* dari *good attributes* di atas, kita perlu juga memperbaiki *variable* ataupun pra-syarat yang lain yang bukan sahaja diperlukan untuk menarik pelabur-pelabur asing ini malahan juga membantu peniaga-peniaga tempatan yang ingin berkembang maju.

Ini antara lainnya termasuklah dengan memperbaiki proses membuat keputusan yang bukan saja telus dan saksama malahan perlu cepat dan praktikal, mengemaskinikan lagi *labour* polisi bagi menyokong bisnes untuk berkembang, menyediakan *workforce* yang bukan *future-ready*

malahan mempunyai disiplin, jati diri dan positif *mindset*, mengukuhkan institusi kewangan tempatan supaya ia lebih *pro-business* dan menyokong bisnes untuk berkembang, infrastruktur yang lengkap dan mudah diakses.

"Seperti tapak-tapak perindustrian yang *industry ready*, *internet connection* yang cepat, efisien dan *reliable*, pembekalan elektrik dan air yang mencukupi untuk kemajuan industri, di samping *governance* yang kukuh serta *marketing arm* yang boleh membantu pemasaran produk di dalam dan di luar negara," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa manpower yang berwibawa, *talented*, *knowledgeable* dan berintegriti; *human resource development*, *succession* pelan dan *talent-identification* ini adalah satu elemen penting dalam memperkukuhkan kesinambungan tersebut terutamanya dalam mengukuhkan *internal capacity* perkhidmatan awam memandangkan impaknya dalam memperkukuhkan pengurusan awam, sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Lebih-lebih lagi dalam menjadikan *environment* negara lebih pro-bisnes dan kondusif dengan mengenal pasti dan melaksanakan *talent pool* berasaskan *meritocracy* dan *performance-base*.

"Kita berharap dengan adanya *talent pool* ini ia akan memudahkan terutama perkhidmatan kerajaan khususnya memilih dan melantik pemimpin-pemimpin pelapis yang pakar, berwibawa, *resilience*, *talented*, jujur lagi amanah untuk menerajui organisasi yang penting dalam bidang-bidang yang strategik".

Tangani isu pekerjaan, pendidikan kalangan belia



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Dalam menangani isu pekerjaan kejayaan Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), melalui pendekatan Whole of Government and Whole of Nation dapat mengurangkan kadar

pengangguran di negara ini.

Dalam masa yang sama, MPEC juga berjaya meningkatkan kemahiran profesional anak-anak tempatan di syarikat swasta.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berucap demikian semasa menyokong usul cadangan Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung hari ini.

Yang Berhormat dalam menjunjung kasih pada sidang bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, seterusnya menjelaskan, perkara tersebut mengenai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah begitu jelas supaya Ahli-ahli MMN berbincang dengan fikiran terbuka tetapi bebas daripada sebarang pengaruh luar.

"Apa yang dibincangkan di dewan yang mulia ini, seperti hasil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan perbelanjaan yang akan diluluskan akan memberi impak positif untuk negara dan rakyat.

"Seperti kandungan titah Kebawah DYMM, kaola juga menyuarakan agar mana-mana peruntukan yang sudah diluluskan akan digunakan dengan berhemah dan tidak berlengah untuk mencapai sasarannya," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai dengan isu-isu yang berbentuk strategik yang akan memberi impak positif jangka panjang.

Dengan menyediakan atau mendapatkan pekerjaan jelas Yang Berhormat, adalah penting untuk terus beri perhatian, jika tidak, belia-belie yang tamat persekolahan dan pengajian mereka akan menjadi beban kepada masyarakat sedangkan mereka boleh menyumbang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

kepada pembangunan negara.

"Di samping itu, pelaburan negara dalam pendidikan akan menjadi sia-sia jika mereka ini tidak mendapat pekerjaan atau harus bekerja di luar negeri kerana di sini, di dalam negeri tiada pekerjaan.

"Adalah diharapkan isu pekerjaan ini akan dapat dibincangkan secara telus dan terbuka untuk mencari jalan menambah peluang pekerjaan melalui berbagai-bagai dasar strategik," ujar Yang Berhormat lagi.

Selain itu, kata Yang Berhormat, perancangan yang mantap, strategik bagi menangani isu pekerjaan lima ke 10 tahun akan datang dan mesti mengenal pasti di sektor mana peluang pekerjaan itu akan wujud.

"Pihak institusi pendidikan dengan itu akan berupaya menyediakan kurikulum, kursus dan bidang-bidang kepakaran yang bersesuaian bagi pelajar-pelajar yang bakal mencari pekerjaan.

"Situasi seperti sekarang, di mana pelajar kita lulus atau tamat

pengajian sama ada bahagian menengah atau *tertiary* tetapi sukar mencari pekerjaan tidak wujud atau tidak lagi seharusnya berlaku," jelas Yang Berhormat.

Salah satu perkara yang terus mendapat perhatian Kerajaan Kebawah DYMM, ujar Yang Berhormat, ialah pelancaran Skim Persaraan Kebangsaan yang baharu pada bulan Julai tahun ini. Ini adalah satu berita yang ditunggu-tunggu oleh rakyat kerana ia akan menjamin masa persaraan yang lebih selesa kepada semua yang bekerja.

Jelas Yang Berhormat, dengan adanya Skim Persaraan yang lebih baik kesejahteraan seluruh rakyat di negara ini akan sentiasa terpelihara.

"Kaola berharap agar apa jua usaha dan tindak tanduk pihak kerajaan akan menepati hasrat Kebawah DYMM seperti dalam titah baginda. Adalah diharapkan perbincangan kita di dewan yang mulia ini akan mendatangkan hasil hasil yang positif dan berpanjangan," ujar Yang Berhormat lagi.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

TINGKATKAN HASIL NEGARA DALAM MEMPELBAGAIKAN PENDAPATAN



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. – Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Perasmian Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN pada Khamis, 2 Mac 2023

dan menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Titah tersebut jelas Yang Berhormat merupakan mutiara yang amat berharga yang akan menjadi panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta semua agensi yang terlibat dalam merancang dan mengurus negara.

Inti pati titah baginda memerlukan perhatian, penelitian dan perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat negara ke arah Wawasan Brunei 2035.

Merujuk kepada titah baginda yang memberi peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat agar bersifat terbuka dan telus kepada masyarakat yang diwakili.

Pada misalnya berbincang

untuk mendapatkan maklumat daripada anak buah tentang permasalahan dan yang penting untuk mencari jalan bagaimana mengatasinya.

Walau bagaimanapun, kita diingatkan supaya jangan terlalu agresif dalam membuat penyampaian dan pandangan agar budaya *berawar galat* dapat diamalkan mengikut 'Calak Brunei'.

"Bagi orang yang lebih berpengalaman serta lebih awal makan garam kami memerlukan petunjuk dan nasihat pada sama-sama membangun bangsa dan negara. Baginda ingin melihat produktiviti dan penghasilan negara terus meningkat secara berimpak tinggi bagi mempelbagaikan pendapatan selain minyak dan gas.

"Tentang perubahan iklim, baginda bertitah Negara Brunei Darussalam akan menjadi Tuan Rumah Asean Centre for Climate Change dan masyarakat diseru untuk melestarikan alam sekitar secara beramali. Melalui program tersebut semoga pihak yang terlibat akan beroleh pertukaran pengetahuan (Knowledge Transfer) tentang

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

perubahan iklim serta apa jua perkara mengenainya daripada pakar yang datang dari luar negara," terang Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat juga turut menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda terutama cabaran untuk meningkatkan hasil kerajaan dan menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri JPM pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bertempat di Bangunan Dewan Majlis pada sebelah petang, di sini.

Ada beberapa strategi yang sudah dibuat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu melalui Pelaburan Langsung Asing yang sendiri ini boleh meningkatkan ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Begitu juga dengan peningkatan Sektor Pertanian iaitu penanaman padi, sayur dan penternak yang bersistem.

Dengan ini jelas Yang Berhormat, hasrat ke arah untuk meningkatkan hasil negara akan tercapai sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan produk-produk yang diimport dari luar negara.

Skim Persaraan Kebangsaan yang baharu akan dapat memberikan pendapatan persaraan yang lebih baik. Inilah yang dinantikan oleh penduduk negara ini untuk mendapatkan sara hidup yang lebih baik pada hari persaraan nanti.

Menyentuh titah baginda, Yang Berhormat dalam pada itu turut mencadangkan agar persekitaran perniagaannya pada masa ini diperbaiki untuk menggalakkan lebih ramai lagi usahawan menceburi bidang perniagaan dan perusahaan seterusnya mendorong semangat peniaga tempatan berkembang maju ke hadapan.

Usaha berterusan sediakan belia dengan ekosistem, hala tuju



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dalam usul menjunjung kasih pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi menyokong usul cadangan Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa

bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim yang berlangsung hari ini.

Menurut Yang Berhormat berdasarkan statistik golongan belia adalah yang tertinggi di dalam senarai pencari kerja.

"Sehubungan itu, kaola mengharapkan agar usaha-usaha berterusan ke arah menyediakan belia dengan ekosistem dan hala tuju adalah penting dalam menggerakkan peranan belia sebagai generasi penerus bagi membangunkan negara di dalam semua sektor," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, ini termasuklah dalam meneliti semula dasar-dasar dan program-program yang sedia ada yang menjurus kepada peranan dan kepentingan belia di dalam industri kreatif, digital, keusahawanan dan mahupun kepimpinan sebagai langkah ke arah mencetuskan lonjakan kepada idea-idea baharu yang lebih konstruktif dan inovatif daripada pemain-pemain industri dalam kalangan belia tempatan yang berjaya.

Dengan itu, jelas Yang

Berhormat, peluang-peluang pekerjaan dapat diimbangi mengikut keperluan semasa, sama ada di dalam sektor kerajaan dan sektor swasta.

"Selain daripada itu, penubuhan dan peranan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) sebagai jentera pemikir ke arah merealisasikan hasrat baginda bagi merancang dan melaksanakan beberapa strategi melalui pendekatan Whole of Government Approach dan Whole of Nation Approach sewajarnya perlu konsisten agar ia mencapai sasaran yang diharapkan. Ini termasuklah dengan Programme i-Ready yang diperkenalkan pada tahun 2017," jelas Yang Berhormat lagi pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Berhormat, program ini perlu dipertingkatkan skop pelaksanaannya, bukan hanya menasaskan kepada *skill and experience ready* tetapi juga kepada Job Ready. Dengan ini, ia dilihat sebagai sebuah program yang komprehensif

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

ke arah mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat juga menyambut baik di atas inisiatif pihak kerajaan di dalam memperkenalkan program SkillsPlus dan berharap agar program ini dapat diperkasakan ke arah melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dan bertaraf profesional.

Selain daripada itu, jelas Yang Berhormat, pihak-pihak yang berkenaan khususnya JobCentre Brunei dapat menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan di peringkat ASEAN bagi memberikan ruang pilihan yang lebih luas kepada pencari-pencari kerja tempatan terutama sekali kepada para graduan dan profesional yang berkemahiran.

Yang Berhormat juga menyentuh soal peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan khususnya di dalam Sektor Pelancongan, Daerah Tutong telah pun mula mengorak

langkah menggerakkan aktiviti pelancongannya dengan memperkenalkan Program Lawatan Destinasi Tutong pada tahun 2015.

"Inisiatif ini telah diungkapkan secara bersepadu bersama pihak-pihak yang berkepentingan ini termasuklah Majlis-majlis Perundangan Kampung (MPK) melalui perkhidmatan ekopelancongan Satu Kampung Satu Produk (1K1P)," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga berharap agar inisiatif ini dapat diteruskan agar tempat-tempat yang dahulunya dijadikan tempat lawatan dapat diaktifkan semula.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan program-program latihan dan bimbingan serta bantuan-bantuan khusus kepada para penyedia perkhidmatan dapat membantu mengerakkan industri pelancongan tempatan terus berkembang dan menyumbang kepada penghasilan *high value added* kepada ekonomi negara.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

INISIATIF DIRANCANG UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggambarkan kebijaksanaan dan keprihatinan baginda terhadap inisiatif-inisiatif yang dirancang untuk meningkatkan tahap ekonomi negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini agar dapat hidup dalam keadaan ekonomi yang mantap dan berdaya saing selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Demikian antara yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang

Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin ketika memberikan pandangan berhubung dengan usul yang dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Semoga apa yang dihasratkan oleh baginda itu, tambah Yang Berhormat, dapat dicapai dengan

izin Allah Subhanahu Wata'ala jua melalui perbincangan-perbincangan yang dilaksanakan dengan fikiran yang terbuka di dalam dewan yang mulia ini nanti.

Pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan tersebut.

Terdahulu, Yang Berhormat menyebarkan sembah menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN

pada 2 Mac 2023.

Manakala, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck juga menyebarkan sembah menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi dan seterusnya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di JPM dengan sepenuhnya.

"Sesungguhnya titah baginda itu amat bermakna kerana titah baginda memperlihatkan kebijaksanaan serta keprihatinan baginda terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk NBD," ujar Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat juga berharap agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya hidup aman damai dan makmur di bawah kepimpinan, kebijaksanaan serta keprihatinan Kebawah DYMM.

Program yang relevan dengan kehendak industri, pembangunan ekonomi diperlukan



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Adalah penting bagi institusi pendidikan di negara ini menyediakan program-program yang relevan dengan kehendak industri dan pembangunan ekonomi pada masa kini dan juga masa akan datang.

"Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala berdoa memohon dipelihara dan supaya dijauhkan dari fitnah dunia dan akhirat. Kaola akan memikul tugas dan tanggungjawab ini dengan sepenuh kemampuan kaola dengan menerapkan prinsip semak dan imbang (*check and balance*) serta memberi buah fikiran, saranan, cadangan, idea, pandangan demi agama, raja, bangsa dan negara".

Demikian usul menjunjung kasih Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat

Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Terlebih dahulu kaola sukacita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana dilantik semula sebagai Yang Di-Pertua dan tahniah juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik.

"Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita kaola mengambil kesempatan menyebarkan setinggi-tinggi penghargaan dan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah kurnia baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN pada hari Khamis, 10hb Syaaban 1444H bersamaan 2hb Mac 2023M".

Menurut Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah sangat bermakna dan memperlihatkan bahawa baginda mempunyai pandangan jauh, *forward looking*, sangat luas, sangat bijak, sangat pemedulian.

"Baginda benar-benar prihatin ke atas kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan

penduduk negara kitani. Kaola sangat-sangat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana sebagai rakyat di negara ini mempunyai raja yang sangat prihatin, pemedulian terhadap rakyatnya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengambil kesempatan untuk menyatakan sokongan sepenuhnya atas Usul yang dicadangkan Penasihat Khas

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim bagi menyebarkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tinggi

ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN 2023 / 2024.

Kemajuan, Pembangunan Negara Terarah Pada Landasan Betul

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menyentuh mengenai dengan berwawasan dan komprehensif.

Kandungan titah merupakan panduan yang cukup jelas tentang hasrat murni baginda ke arah memastikan kemajuan dan pembangunan negara terus terarah di landasan yang betul tanpa mengetepikan isu-isu nasional dan ekonomi yang menjadi keutamaan dan perhatian yang sewajarnya.

Demikian antara yang diujarkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman pada usul menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya usul

yang dikemukakan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN.

Seterusnya, Yang Berhormat menjunjung tinggi titah baginda berkaitan dengan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang akan dilancarkan pada bulan Julai tahun 2023. Selaku rakyat sewajarnya mensyukuri nikmat kerana dianugerahkan seorang raja yang prihatin dengan permasalahan rakyatnya.

>> Muka 10



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



AHLI MMN, Yang Berhormat Chong Chin Yee.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Belia yang membesar dalam persekitaran kemajuan era teknologi yang pesat mempunyai pilihan untuk mendidik diri sendiri dan mengaplikasikan kreativiti serta produktiviti untuk merangsang perubahan serta pendekatan dalam masyarakat; berdaya tahan, dan tekun dalam mengatasi cabaran-cabaran dalam mengongsikan manfaat

BELIA PERLU MANFAATKAN KEPESATAN TEKNOLOGI

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

dari kemajuan teknologi berkenaan.

Meskipun kerajaan memainkan peranan penting, belia di negara ini juga mempunyai tanggungjawab untuk menyesuaikan diri dan memberikan sumbangan.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Chong Chin Yee menyatakan perkara demikian ketika menyokong usul menjunjung kasih pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Kemunculan pesat automasi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI), dan teknologi baharu sedang membentuk semula kemahiran yang diperlukan untuk meraih keberhasilan dalam ekonomi global (*economic global*), yang

mendorong kemajuan dan pencapaian kita di bawah program pendidikan dan latihan.

"Penting juga untuk menitikberatkan kepada isu Labour Market Inefficiency (Ketidakcekapan Pasaran Kerja). Isu ini amat penting untuk disuarakan agar pekerja mengetahui hak-hak mereka sebagai pekerja dan persatuan mengenai praktis kerja yang adil.

"Sementara itu, majikan akan terdorong untuk mematuhi undang-undang dan peraturan Buruh," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, kita harus memahami apa yang membentuk tenaga kerja produktif dan mencipta budaya pelajaran serta peningkatan berterusan dengan memberi kemahiran yang diperlukan dan peningkatan kebolehan pasaran mereka.

"Kita dapat memastikan

bahawa mereka dapat menambah nilai kepada ekonomi negara," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengongsikan mengenai kejayaan syarikat-syarikat tempatan termasuk pelancaran Khalifa dan eksport telur ke Singapura yang menunjukkan keupayaan rakyat dan penduduk di negara ini untuk bersaing dengan ekonomi global, yang mana ia adalah seiring dengan usaha kita untuk pertumbuhan dan pembesaran.

Jelas Yang Berhormat, ia adalah penting bagi peniaga kecil dan sederhana untuk memanfaatkan teknologi yang sedang berkembang untuk meningkatkan kecekapan kualiti serta keyakinan dalam memperluaskan perniagaan mereka ke luar negara, dengan penyebaran teknologi yang sedang berkembang di pasaran utama dan usaha untuk memastikan infrastruktur internet mencapai setiap sudut negara kita.

"Sumber daya ini semakin mudah diakses. Dengan memanfaatkan sumber daya ini kita dapat terus berkembang tanpa membebankan kerajaan.

"Marilah kita bekerjasama untuk mengatasi cabaran ini dan membentuk pasaran tenaga kerja yang selamat, cekap dan produktif yang dapat meluas jangkauan di luar sempadan dan dapat berterusan melalui masa sambil memastikan bahawa kita berjaya menjaga kekayaan yang kita hasilkan," kata Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat merakamkan penghargaan kepada usaha yang dilakukan oleh agensi-agensi berkepentingan seperti Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Manpower Planning Manpower Industry Steering Committee (MISC) dan Life Long Learning Centre dalam menangani masalah pengangguran yang merupakan isu mustahak dalam kalangan belia dan pencari kerja.

"Inisiatif baru-baru ini terutama HSE Competency Apprentice Programme di sektor pembinaan dan tenaga dan *skill plus* adalah sangat baik dan merupakan langkah ke arah memantapkan tenaga kerja kita," ujar Yang Berhormat.

Tangani isu pengangguran bersama



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Pelan Tindakan Ekonomi Industri yang telah disediakan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi diharap akan dapat menampilkan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

(MMN), Yang Berhormat Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin melahirkan harapan tersebut ketika menyokong usul menjunjung kasih pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat berkata, terdapat seramai 60,000 pemegang permit pekerjaan dan 4,000 kekosongan dalam pekerjaan, walhal jumlah penganggur di negara ini sekitar 11,000 orang.

"Secara hisabnya, keseluruhan 11,000 orang yang menganggur itu dapat diberikan pekerjaan.

"Di mana kesilapannya, di mana kekurangannya, di manakah kecacatannya kita harap dapat ditangani bersama?" soal Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan pengurniaan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19, pada tahun ini.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam titah berkenaan, jelas Yang Berhormat, menunjukkan keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap rakyat baginda.

"Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menangani isu pengangguran dipantau bersama perlu mendapat sokongan padu daripada semua pihak dan isu ini membabitkan semua lapisan rakyat, *mainpower strategy* bukan setakat mengisikan kekosongan termasuklah menyediakan anak-anak tempatan untuk menjadi *future workers* untuk pekerja bukan sahaja di dalam negeri tetapi *marketable* sebagai *global worker* di pentas antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 9

Selain itu, Yang Berhormat juga menekankan dengan isu kenaikan harga barang memberikan kesan peningkatan kepada kos-kos perkhidmatan dan menjadi bebanan ketara kepada pengguna terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah.

Justeru, peranan PMKS tempatan jelas Yang Berhormat adalah sangat penting dalam menggiatkan ekonomi negara dan langkah kerajaan untuk terus membaiki persekitaran perniagaan bagi menggalakkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan menceburi bidang perniagaan dan perusahaan serta menggalakkan perusahaan yang sedia ada untuk terus berkembang adalah dilihat wajar bagi mengimbangi kebergantungan kepada produk import dengan menyasarkan penghasilan produk-produk keluaran tempatan yang mendapat permintaan yang tinggi di pasaran domestik.

Menurutnya, pihak Darussalam Enterprise (DARE) berperanan sebagai pemudah cara untuk membantu para usahawan tempatan menyasarkan sektor-sektor perniagaan yang menjadi keutamaan (*priority sectors*).

"Dengan ini penglibatan produk dan barang keluaran negara dapat dikawal dengan sebaiknya. Dalam menyediakan iklim perniagaan yang lebih kondusif serta ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, pembangunan dan penggunaan syarat-syarat tanah tumpang sementara (TOL) perlu dikaji dan diteliti semula dengan memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang penting yang menjadi keperluan dan keutamaan rakyat," ujar Yang Berhormat pada sidang bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai pengangguran dan menyarankan agar kaedah pembayaran gaji pekerja di sektor swasta dapat diselaraskan dengan kaedah pembayaran gaji dua kali di sektor kerajaan sebagai inisiatif menjadikan sektor swasta terus menjadi pilihan pertama untuk mendapatkan pekerjaan.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT
NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.

...Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi ...



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun 1444 Hijrah (atas) manakala gambar kanan, ceramah khas disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail.

Oleh: Khartini Hamir
Foto: Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac 2023. - Pejabat Peguam Negara petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi tahun 1444 Hijrah di Bangunan Undang-Undang dan

Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Turut sama hadir Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi serta pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Pejabat Peguam Negara

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat Suci Al-Quran, Surah Ar-Ra'd, ayat 22-24 oleh Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazahar.

Sejurus itu majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Sembahyang Meraih Redha Allah' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail.

Ceramah antara lain mengupas mengenai hikmah peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, selain menyentuh tentang kewajipan sembahyang bagi umat Islam kerana ia adalah ibadah yang pertama dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak.

Penceramah juga turut menekankan pentingnya sebagai umat Islam untuk sentiasa mendalami dan memahami perbuatan sembahyang kerana ia ada salah satu ibadah dalam

rukun Islam, selain sentiasa berusaha untuk melakukan ibadah sembahyang dengan khusyuk dan perlunya umat Islam sentiasa bersabar, berikhtiar bertawakal dan berdoa dalam menghadapi ujian Allah Subhanahu Wata'ala.

Acara antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pegawai dan kakitangan di Pejabat Peguam Negara dan di bawahnya.



Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu



HADIR pada majlis tersebut, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi II Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

PULAIE, Sabtu, 4 Mac. - Peristiwa agung Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan terus menjadi iktibar bagi semua umat Islam sepanjang hayat sekali gus sebagai menandakan keimanan kita terhadap mukjizat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ini.

Sebagai memperingati peristiwa ini, Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (KI) juga mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1444H /

2023M yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kampung Pulaie.

Hadir pada majlis tersebut ialah Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi II Kumpulan berkenaan.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar beramai-ramai yang dipimpin oleh Datin Hajah Nahriah.

Acara majlis diserikan lagi dengan ceramah agama bertajuk,

CERAMAH agama bertajuk, 'Iktibar Dari Peristiwa Israk dan Mikraj kepada Wanita' disampaikan oleh penceramah PDI, Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman.

'Iktibar Dari Peristiwa Israk dan Mikraj kepada Wanita' disampaikan oleh penceramah PDI, Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman.

Dalam ceramahnya, Dayang Norhayati menjelaskan banyak pengajaran yang diceritakan menerusi perjalanan Israk Mikraj itu dan salah satu peristiwa yang diperlihatkan kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah suasana dalam neraka.

Baginda memberitahu sewaktu melihat suasana neraka, majoriti penghuninya terdiri daripada golongan wanita dan ia ada diriwayatkan dalam sebuah hadis.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Aku melihat ke dalam Syurga maka aku melihat

kebanyakan penghuninya adalah fuqara' (orang-orang fakir) dan aku melihat ke dalam Neraka maka aku menyaksikan kebanyakan penghuninya adalah wanita." - (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Dayang Norhayati seterusnya mengongsikan, sebab utama majoritinya adalah kerana wanita yang juga seorang isteri sering mengingkari dan mengukurkan kebaikan suami mereka.

Namun demikian tambahnya, bukan itu sahaja yang menjadi faktor golongan wanita yang ramai terjerumus ke neraka, malah juga banyak sebab lain seperti tidak menunaikan sembahyang lima waktu, tidak menjalankan amanah, tidak mengawal lidah, berlaku khianat, derhaka dan banyak lagi perbuatan yang berunsurkan maksiat.

Oleh itu, beliau menggesa golongan wanita untuk memperbanyakkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk

memohon perlindungan dari Allah di samping memupuk keimanan dengan mengamalkan isi kandungan yang ada dalam kitab Al-Quran sebagai pegangan hidup.

Majlis diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr' beramai-ramai diikuti dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad, isteri Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu juga berkesempatan membuat lawatan ke Dewan Pameran PDI.

Majlis ini merupakan aktiviti tahunan kumpulan berkenaan bagi memperingati dan mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku semasa Israk dan Mikraj di samping mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahli-ahli.

جائين فرانڠن ايكونومي دان ستاتيسٽيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Contohi akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam



>> Muka 1

Menurutnya lagi, peristiwa Israk dan Mikraj berkenaan juga memperingatkan manusia untuk

sentiasa memperingati dan mencintai Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang berkorban demi memperjuangkan

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan dan Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh semasa hadir pada program berkenaan yang diisikan dengan sesi tazkirah disampaikan oleh Da'ie Bertaualiah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ahmad Ahyad bin Haji Aamynoor (kiri dan kanan).

dan menegakkan agama Islam. Dengan mencintai Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tegasnya, kita akan

dapat mudah menerima segala ajaran dan mencontohi akhlak Baginda untuk menuju ke jalan yang direcai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesi tazkirah berkenaan merupakan sebahagian daripada pengisian Program Pejuang Fajr kali Ke-10 yang dianjurkan oleh Belia Da'ie Brunei dengan kerjasama Belia Muallaf Asy-Syahadah di bawah Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir pada program berkenaan ialah Ra'es Kolej Universiti Perguruan Agama Seri

Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; dan Pengarah PDI, Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh.



AWANG HAJI AR'FAN CALON TUNGGAL PENGHULU MUKIM PENGKALAN BATU

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

PENGKALAN BATU, Ahad, 5 Mac. - Para penduduk kampung di bawah tadahan Mukim Pengkalan Batu keluar mengundi bagi memilih calon yang akan menandai tanggungjawab sebagai Penghulu Mukim Pengkalan Batu yang baharu nanti.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pengkalan Batu berkenaan telah berlangsung selama dua hari, iaitu pada Jumaat, 3 Mac 2023 dan berakhir hari ini bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu, Kampung Parit.

Calon tunggal yang dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan berkenaan ialah Awang Haji Ar'fan bin Haji Yusoff / Mohamed Yussuff, berusia 51 tahun (berumur 47 tahun semasa tarikh tutup iklan pada tahun 2018) dan telah bermastautin di Kampung Panchor Murai dari tahun 2005.

Beliau memperolehi kelulusan Bachelor Degree Programme (Hons) In Business Administration dari Kolej International Graduate Studies (Kolej IGS Brunei Darussalam) pada tahun 2018.

Pada ketika ini, beliau masih berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sebagai Penolong Pegawai Staf Tingkat 1.

Daripada seramai 722 penduduk yang berdaftar, seramai 626 hadir mengundi melalui kaedah secara dalam talian menggunakan aplikasi e-Undi PMKK dan juga secara pemboangan undi melalui kertas undi rasmi (Ballot Papers).

Pada majlis berkenaan, Awang Haji Ar'fan berjaya memperolehi sejumlah 470 undi setuju, manakala 151 undi tidak setuju dan lima undi rosak.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pengkalan Batu yang dijalankan pada hari ini akan dihidangkan kepada Lembaga Perjawatan,

Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Terdahulu, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim dalam ucapannya antara lain berkata, Penghulu Mukim mempunyai tanggungjawab yang besar dan memegang amanah bukan sahaja amanah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahkan juga amanah para penduduk kampung yang akan ditadbir nanti.

Antara peranan penting

memegang jawatan Penghulu Mukim jelasnya adalah sebagai ketua dan pemimpin masyarakat di akar umbi di peringkat mukim serta ketua dan pemimpin kepada Ketua-ketua Kampung di mukimnya yang bertanggungjawab bagi menerajui perpaduan, keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan hidup bermasyarakat para penduduk kampung di mukimnya serta penggerak kepada pembaharuan, pembangunan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat kampung di mukimnya.

>> Muka 19



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga Ketua Kampung Putat dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pengkalan Batu.

Tidak ada kes dalam Kategori 4, 5

Oleh : Srinarawie Bidzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Sebanyak 153 kes COVID-19 disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 277,878.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, tidak ada kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Pada masa yang sama juga

tidak ada kes di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 5 Mac 2023, sebanyak 88.0 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 12.0 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

HASRAT NEGARA

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara perlu berfikiran terbuka, menyuarakan isu berbentuk strategik

>> Muka 2

Kerajaan juga telah memperkenalkan program SkillsPlus untuk memberikan peluang kepada anak-anak tempatan meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran, dan program ini telah dilancarkan kepada empat sektor baharu iaitu Sektor Tenaga, Pembinaan, Pengangkutan dan Logistik, dan H.S.E.

Semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, beta telah pun bertitah mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan kajian yang dilaksanakan bagi penambahbaikan skim persaraan dalam usaha Kerajaan beta mengukuhkan perlindungan sosial yang inklusif dan mampan, yang merupakan salah satu tunjang utama Strategi Jaminan Sosial Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam.

Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang baharu ini akan dapat memberikan pendapatan persaraan yang lebih baik

daripada 'TAP' yang ada pada masa ini dan juga akan menggalakkan ahli-ahli SPK untuk terus berusaha mencari dan mendapatkan pekerjaan sama ada di sektor swasta, kerajaan atau secara persendirian di mana hasil dari sumbangan ke dalam SPK akan menampung pada hari persaraan nanti. SPK ini insyaaAllah, akan dilancarkan pada bulan Julai tahun ini.

Mengenai Komitmen Negara ke arah Perubahan Iklim, beta telah memperkenalkan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Tuan Rumah bagi Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change) yang akan menempatkan pakar-pakar dari dalam dan luar negara untuk menjalankan kegiatan penyelidikan, berkaitan dengan perubahan iklim.

Ini selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negara, pada mana satu direktif, Inventori Karbon menggunakan Centralised Inventory System, akan diperkenalkan dalam usaha negara melaksanakan pemantauan dan mengesahkan data gas rumah hijau secara telus, konsisten dan tepat.

Dengan maklumat tersebut, pada penghujung tahun 2023, pelan kebangsaan adaptasi perubahan iklim akan dirangka sebagai usaha penyelarasan dan penyesuaian dengan perubahan iklim.

Menyentuh mengenai Bidang Ekonomi, mengikut Laporan Ringkasan Annual Census of Enterprises 2021 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik bagi tahun 2020, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (P.M.K.S) membentuk 97.2% daripada jumlah keseluruhan perusahaan aktif di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020.

Dengan demikian, peranan P.M.K.S adalah sangat penting dalam menggiatkan ekonomi negara, dan dengan itu, persekitaran perniagaan, harus pula terus diperbaiki untuk menggalakkan lebih ramai lagi usahawan untuk menceburi bidang perniagaan dan perusahaan, serta menggalakkan perusahaan-perusahaan yang sedia ada untuk terus berkembang. P.M.K.S juga perlu berani merebut peluang bagi mengembangkan perniagaan mereka ke luar negara, kerana ini akan

menghasilkan high-value add kepada ekonomi negara.

Pihak Darussalam Enterprise (DARE) telah dan akan terus menyediakan skim bantuan dan program latihan serta khidmat nasihat untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh P.M.K.S.

DARE juga telah memudahcara beberapa projek strategik di berbagai sektor utama (priority sectors) yang dikenal pasti seperti sektor agrikulturan dan sektor pembangunan bagi meningkatkan persekitaran kondusif ke arah menjana lebih banyak aktiviti perekonomian yang mendukung sara diri dan berorientasikan eksport.

Akhirnya, beta ingin mengingatkan sekali lagi kepada Ahli-Ahli Majlis supaya akan dapat menggunakan persidangan di sini dengan sebaiknya, dengan membentangkan isu-isu utama yang strategik dan penting, serta sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan-jalan penyelesaian yang berpatutan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

سرڤوڤي

كشتيغن فرسياقن كاواغن انتوق هاري توا

جماعه يغ درحمتي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن سبتر-بتر تقوى يايث دغن منيغككن كيامنن كقدان. مسغكوهن اورغ يغ قالغ مليا دسيبي الله ﷺ يايث اياه اورغ يغ قالغ بر تقوى. مدهمدهن كيت منجادي انسان يغ ستياس مغايغي الله ﷺ برأوله كحيان دان كسلامن دنيا دان جوڭ داخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

دالم منجالي كهيديون دنيا اين، الله ﷺ تله مغورنياكن نعمة يغ تيدق تركيرا بايقن كقد ماني، اناورا نعمة ٢ ايت اياه نعمة كيهكيان، نعمة كصيحجن، نعمة كمعموران، نعمة ككيان، نعمة رزقي دان سباكين. مك سواجريه كيت سباكي هيمان، منشكري سكل نعمة رزقي يغ ديريكن ايت دان منغككن دغن سبايك ٥٢. الله ﷺ برفرمان دالم سورة ابراهيم آية ٧:

تفسير:

دان (ايغله) كيك توهن كامو ميريتهو (دغن سجلس-جلسن): "دمي مسغكوهن جك كامو برشكور (ترهادف سكل نعمتك) تنو اكو اكن منمبه نعمة ايت كقد كامو دان دمي مسغكوهن جك كامو كفور (ترهادف نعمة ايت) مك مسغكوهن عدايكو ساعة كراس".

جماعه يغ درحمتي الله،

سلاكو ماني كيت تيدق اكن دافة لاري دري مغوروس دان مهادفي مساله كاواغن. اوله ايت، فغوروسن كاواغن يغ ترأور دان برقرغن اكن مبننو منسجهز اكن كهيديون كيت قد ماس هداغن. كيت قرو مموات اينيسياتيف بارو باكي مغوبه سيكف كيت دالم فغوروسن كاواغن. سباكي فرمولان، لغكه ٢ بريكوت بوله كيت لاکوكن:

قرتام: ميمق دان ميسون سمولا كاواغن فريادي. محاسبه ديري دالم فربلنجان دان كايا هيديوف كيت. جك اي مليهي دري كممقوان كيت، مك كيت قرو مغورغن فربلنجان يغ تيدق فتيغ دان ميمقن واغ انتوق رنجان ماس دغن.

كلوا: ايلقكن دري صفة برهوتغ، له ٢ لاکي برهوتغ باكي فرکارا ٢ يغ تيدق برقائه دان تيدق فتيغ.

كتيك: عملكن بودايا منابو (ميمقن) کران دغن منابو كيت دافة مموات فرسديان جك برلاكو حال ٢ كچمسن.

عمال منابو اذاله تيدقن يغ ييحق انتوق مرغج فربلنجان. مسغكوهن بايق كليهن يغ بوله كيت دافة دري عمالن منابو. اناوران ايكونومي سسورغ ايت اكن له ترأور دان ترغج دان دافة مبننو كيت مموات فرسديان باكي مهادفي كادان ٢ يغ ترتنو دماس اكن داتغ سقرت كفلوان باكي فربلنجان قنديدننق ٢ دان سباكين. سلاين ايت عمالن منابو جوڭ دافة مبننو كيت كتيك مهادفي سيتواسي كچمسن سقرت فربلنجان باكي مساله كصيحجن اتوقون باكي كفلوان يغ مندس. واغ يغ دسيمقن جوڭ بوله دكوناكن سباكي مودل فلابورن اتو قرنيكان دماس هداغن سقرت باكي كفلوان ميلي رومه،

تانه دان سباكين. بهكن واغ ايت جوڭ بوله دكوناكن سباكي جامينن دهاري توا اتو اقبيل برسارا كل باكي ميارا فربلنجان كهيديون. سلاين ايت دغن اداغ واغ سيمفانن جوڭ ممبوطن كيت منونين عبادة كقد الله ﷺ سقرت ممري سومباغن وقف اتوقون صدقه، له ٢ لاکي انتوق ميمقوناكن روكون اسلام يغ ليم يايث منونين فرض حاج.

سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

عَنْ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمْسِكْ عَلَيْكَ بَعْضَ مَالِكَ، فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ { حديث رواية إمام البخاري }

مقصود:

درفد كعب بن مالك رضى الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: سيمقله سباكين دري هرت كاموكران ايت جاوه له بايك باكيو.

قرو دكهوي، منابو سباكين درفد حاصل فنداغن دان تيدق برسيكف بوروس ددالم مبلنجانن اذاله ساعة ٢ دتنتوت ددالم اكام كيت. ددالم القران الله سبحانه وتعالى مغايقتن سقاى كيت ستياس سلاين ددالم فربلنجان، يايث اناورا تيدق تركولو دكالغن اورغ يغ برصفا بخيل دان تيدق قول تركولو ددالم كمسكين کران برصفا بوروس دالم برلنجا. الله سبحانه وتعالى برفرمان ددالم القران سورة الإسراء آية ٢٩:

تفسير:

دان جاشله اغكو جاديكن تاغنمو ترلفكو دليهرمو (بخيل) دان جاشله (قول) اغكو مغولوركن سهايس هاييسن (بوروس) کران عقيتن اغكو اكن جادي ترجلا دان ميسل.

اوله ايت، جيري ٢ اورغ يغ برسدرهان دان تيدق مملقاري باتس ددالم فربلنجان دكميركن اوله الله سبحانه وتعالى ددالم فرمانن دالم سورة الفرقان آية ٦٧:

تفسير:

دان مريك يغ اقبيل مبلنجان هرت، مريك تيدق برليبه ليهن دان تيدق جوڭ بخيل دان (سبالين) فربلنجان مريك ايت اذاله سدرهان اناورا كلوا ٥٢.

جماعه يغ درحمتي الله،

دالم حال منابو اين، دنكارا كيت، فيق كراجان تله منوبهكن تابوغم امانه فكرج (TAP) انتوق مبننو اهلين ميمقن سباكين درفد فنداغن باكي توجوان انتوق ممنوي كفلوان رعية دان قلدودوق نكارا اين دغن معاداكن سيمفانن منداتوري يغ برتوجوان انتوق ميريكن كمودهن قرليندوغن سوسپال،

باكي منمقوغ كفلوان هاري توا رعية دان قلدودوق نكارا اين ستله برسارا سماد مريك برخدمة دسكور عوام اتوقون سيكور سواستا.

ددالم سكيم اين، كيت دكهندي انتوق ميمقن سجمله دري كاجي كيت دان ماجيكن جوڭ اكن منمبه جمه يغ سام ددالم سيمفانن اين ملالوي قدر يغ تله دتشفكن اوله اوندغ TAP.

مكلا يغ تركيني كيت دفركلكن قول دغن سكيم فرساران كيشان (SPK). ان شاء الله، دغن SPK، دحسرتكن انتوق منغاني جبارن ٢ اوتام فرساران، دان انتوق ميريكن فرساران يغ ممقن سرت اينكلوسييف (INKLUSIF) انتوق ستييف وركا كرج دنكارا بروني دارالسلام.

اوله يغ دمكين، كيت اميل له فلواغ يغ دسدياكن اوله كراجان اين انتوق كلغسوغن هيديوف كيت دهاري منداتغ. باكي سسياف يغ مراس بلوم جلس تنتغ سكيم فرساران كيشان اين، تراوتام باكي اهل يغ برعمور 50 هيغك 60 تاهون، بوله له مموات غوجنجي باكي سيسي كونسلناسي (KONSULTASI) برسام تابوغم امانه فكرج باكي معتهوي له لنجوت مغناي دغن فائده SPK يغ دترما ساس برسارا نني.

جماعه يغ درحمتي الله،

سباكي اومة اسلام كيت هندقله مبلنجان رزقي يغ دفرأوليهي دغن ييحق مغيكوت لوتس ٢ اسلام ترماسوقله دغن مغمملكن سيكف سوڭ منابو، مدهمدهن دغن جارا دمكين كيت اكن دافة مغوكوهكن لاکي ايكونومي كلوارك، مشاركة دان نكارا، دمي منجامين ماس هداغن يغ له بايك. اف يغ فتيغ جوڭ اياه، كسلباغن دالم برلنجا دغن ميمقن سباكين درفد فنداغن دان تيدق برليبه ليهن دالم مبلنجانن اذاله صفة يغ مليا يغ دتنتوت ددالم اسلام. سام ٢له كيت بردعاء سوڭ الله ﷺ اكن مغورنياكن رزقي يغ مليقه رواه دان نعمة يغ بركلكن اكر كيت دافة هيديوف دغن بهكيا دان سلامة دنيا دان داخيرة. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

...يا الله، توهن كامو! تورونكله كقد كامو سوات هيداغن دري لاغيث (يغ قد هاري تورونن) اكن منجادي هاري باكي كامو، يايث باكي اورغ يغ اد برسام كامو دان يغ اكن داتغ كمدن دان منجادي تندا ككواسان مو. دان كورنياكله رزقي كقد كامو، کران اغكو له سبايك ٢ فميري رزقي.

{ سورة المائدة آية: ١١٤ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَنَقَلْنَا مِّنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْحَاجَةِ الْتَأْتِينَ.



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tawaran Kastam Bil. 09 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Stokin
Bagi Pegawai dan Kakitangan
Lelaki Jabatan Kastam
dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 21 Mac 2022,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tawaran Kastam Bil. 11 / 2023

Tawaran Bagi Pemeliharaan
(Servis) Kenderaan Milik
Jabatan Kastam dan
Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 21 Mac 2022,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDB / BMP / 5.1 / 0

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI RUANG
KEDAI NO.1,
DEWAN KEMASYARAKATAN
KAMPUNG PANDAN,
KUALA BELAIT.

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
16 Mac 2023



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tawaran Kastam
Bil. 08 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut
Bagi Staf Bantu Wanita Jabatan
Kastam dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi, Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
(1)JBS / ADM / TDR / 01 / 2022

Keterangan :
REPLACEMENT OF SAND
FILTER AT ANGGEREK DESA
SWIMMING POOL, BERAKAS

Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 28 Mac 2023
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tawaran Kastam
Bil. 06 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut
Bagi Pegawai dan Kakitangan
Wanita Jabatan Kastam dan
Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Kastam Kastam Bil. 10 / 2023

Tawaran Bagi Membekal
Sarung Kaki Bagi Pegawai dan
Kakitangan Wanita Jabatan
Kastam dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 21 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



**BIRO MENEGAH
RASUAH**

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 01 / 2023 / 2024

1. Tajuk Tawaran :
TAWARAN PEMELIHARAAN
LANDSKAP DAN
PEMOTONGAN RUMPUT
KAWASAN IBU PEJABAT DAN
BANGUNAN BAHARU

BIRO MENEGAH RASUAH
(BMR)
JALAN LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BIL: BMR / SH / 01 / 2023 / 2024

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 01 / 2023 / 2024

2. Tajuk Tawaran :
TAWARAN KERJA-KERJA
PEMOTONGAN RUMPUT
KAWASAN PERUMAHAN BIRO
MENEGAH RASUAH (BMR)
SIMPANG 336-52-38 DAN
336-52-30, TAMAN
MUYASSARAH JALAN
KEBANGSAAN LAMA.

BIRO MENEGAH RASUAH
(BMR)
JALAN LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BIL: BMR / SH / 02 / 2023 / 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Mac 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER adalah dipelawa
untuk mengemukakan tawaran
bagi 2 kerja berikut :

Bilangan Tawaran :
1. 028 / HQ / 2022 - S [050 /
LOG / 2022 - SJ] REQUOTE

Tajuk Tawaran :
The Supply and Delivery
Of Pre-Printed Cards For
Pass Section, Royal Brunei
Police Force

Bilangan Tawaran :
2. 011 / HQ / 2023 - S [010 /
LOG / 2023 - SJ]



Tajuk Tawaran :
The Supply and Delivery
Of HF Radio Base Station
Antenna For Royal Brunei
Police Force

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin,
27 Mac 2023,
Tidak lewat jam 10.00 Pagi



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PSP / 006 / 2022

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Bekalan Elektrik
Bagi LOT 5709, Tapak Marine
Biodiversity Centre,
Kg. Meragang, Mukim Serasa

Tarikh Tutup :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,



Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :

Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan Kementerian
Pembangunan Dalam Kelas III
atau IV Sahaja, Dalam Kategori
E03 dan (mempunyai pekerja
yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03).

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan lanjut bolehlah
diperoleh dari Unit Tawaran,
Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Tenaga di
Jabatan Perdana Menteri.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
(14)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
PENGUBAHSUAIAN DAN
PENAMBAHAN FASILITI
PADANG ONG SUM PING BAGI
KEMUDAHAN ATLET
PARALIMPIK

Bilangan Tawaran :
(15)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
KERJA-KERJA
PENAMBAHAN BIRD SPIKE



PADA GRANDSTAND PADANG
DAN BELAPAN, KOMPLEKS
SUKAN TEMBURONG

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 9 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
KA01 & M03 Sahaja
- Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 005 / 2023
- (SEW).T. IV

Nama Projek :
Kontrak Bermusim Tiga (3)
Tahun "Integrated" bagi
Kerja-Kerja Operasi dan
Pemeliharaan Loji Rawatan
Kumbahan Mulaut,



Lugu dan Sinarubai

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
21 Mac 2023

Tarikh Tutup :
Selasa, 4 April 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tawaran Kastam
Bil. 04 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut
Bagi Pegawai & Kakitangan
Lelaki Jabatan Kastam dan
Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Tawaran Kastam
Bil. 07 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut
Bagi Staf Bantu Lelaki Jabatan
Kastam dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi, Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Bil. Projek :
JKP / 04 / 2023

Nama Projek :
THREE YEARS TERM
CONTRACT FOR GENERAL
MAINTENANCE WORKS AT
RPN KG. MENTIRI,
BRUNEI-MUARA DISTRICT,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Tarikh Buka Tawaran :
20 Februari 2023 (Isnin)

Tarikh Tutup Tawaran :
7 Mac 2023 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil,



Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :
BND50.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen :
BND5.00 [Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 03 / 2023

Tajuk Tawaran :
PENGURUSAN DAN
PENGENDALIAN GERAJ
RAMADHAN 1444H / 2023M
BAGI JABATAN
DAERAH TUTONG

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
8 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Tawaran :
JPH / 1102-001 / TAW / 369 /
2022-2023

Projek Penghijauan Di
Kawasan Kompartmen-
Kompartmen Penanaman Di
Hutan Simpan Berakas [Fasa 2]

Dibukakan kepada penender-
penender yang berdaftar di
Kementerian Pembangunan dalam
Kelas II ke atas sahaja.

Borang Pendaftaran Syarikat
(jika belum berdaftar) :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Borang Tawaran :
BND15.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran :
BND35.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
14 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
IBTE / TB / 002 / TK22-23
[CCA-FEB-2023]

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Pembekalan,
Pembuatan dan Penghantaran
Baju CCA Lengkap Dengan
Logo Rasmi "IBTE" Bagi
Pelajar-Pelajar Institut
Pendidikan Teknikal Brunei,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Kontrak Tiga (3)
Tahun

Bilangan Tawaran :
IBTE / TB / 003 / TK22-23
[CT-FEB-2023]

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Pembekalan,
Pembuatan dan Penghantaran
Baju Coverall (Fire-Retardant
dan Non Fire-Retardant) dan
Tudung (Fire-Retardant)
Lengkap Dengan Logo Rasmi
"IBTE" Bagi Pelajar-Pelajar
Institut Pendidikan Teknikal
Brunei, Negara Brunei
Darussalam Bagi Tempoh
Kontrak Tiga (3) Tahun

Bilangan Tawaran :
IBTE / TB / 004 / TK22-23



[SB-FEB-2023]

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Pembekalan dan
Penghantaran Kasut / But
Keselamatan (Safety Shoes /
Boots) Bagi Pelajar-Pelajar
Institut Pendidikan Teknikal
Brunei, Negara Brunei
Darussalam Bagi Tempoh
Kontrak Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
15 Mac 2023
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Tempat Mengambil Borang :
Unit Perolehan,
Tawaran & Sebut Harga
Aras Bawah,
Institut Pendidikan Teknikal
Brunei (Ibu Pejabat)
Simpang 347,
Jalan Pasar Baharu Gadong
BE1310

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Notis Lelong
Secara Tertutup

Tarikh Mula :
Rabu,
1 Mac 2023

Tarikh Melihat, Mengambil dan
Menghantar Borang Tawaran :
1 Mac 2023 (Rabu) -
13 Mac 2023 (Isnin)

Isnin hingga Khamis :
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
1.30 Petang hingga 3.00 Petang

Sabtu :
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi
Petang - Tutup

Tarikh Tutup Menghantar
Borang Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023,
Sebelum Jam 9.00 Pagi.

Lot 1 :
MOD 1208
MOD 764
MOD 1133
MOD 1080
MOD 1180
MOD 852

Keterangan :
110 GS LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
AMBULANCE LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 GS LAND ROVER

Lot 2 :
MOD 1130
MOD 854
MOD 1191
MOD 1128
MOD 1168
MOD 1426

Keterangan :
110 FFR LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
AMBULANCE LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER

Lot 3 :
MOD 1081
MOD 774
MOD 860
MOD 1145
MOD 765
MOD 1127

Keterangan :
AMBULANCE 110
LAND ROVER FIELD
110 GS LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER

Lot 4 :
MOD 856
MOD 1134
MOD 1136
MOD 846
MOD 1132
MOD 849

Keterangan :
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER

Lot 5 :
MOD 929T
MOD 1384

MOD 420
MOD 1131
MOD 930
MOD 1126
MOD 861
MOD 842

Keterangan :
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 GS LAND ROVER

Lot 6 :
MOD 1302
MOD 775
MOD 898
MOD 417
MOD 1147
MOD 1485

Keterangan :
110 FFR LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
110 GS LAND ROVER
110 FFR LAND ROVER
110 LAND ROVER TDI FFR

Lot 7 :
MOD 1307

Keterangan :
DISCOVERY TDI
LAND ROVER

Lot 8 :
MOD 40K

Keterangan :
MERCEDES BENZ S300 SEL

Lot 9 :

MOD 2K

Keterangan :
MERCEDES BENZ S320 SEL

Lot 10 :
BG 2949
BG 8067

Keterangan :
GMC SUBURBAN 2500 SLE 4X4
GMC SUBURBAN 2500 SLE 4X4

Lot 11 :
MOD 1344
MOD 1239
MOD 1052
MOD 218
MOD 1108

Keterangan :
TRUCK 4 TON LEYLAND
TRUCK 4 TON LEYLAND
TRUCK CARGO BEDFORD
4 TON
REFUSE TRUCK MITSUBISHI
REFUSE TRUCK MITSUBISHI
FUSO

Lot 12 :
BG 9881
MOD 1179
MOD 63K
MOD 1257
MOD 1331
MOD 1250
MOD 1317

Keterangan :
PANEL VAN MERCEDES
BENZ AG
MITSUBISHI MT L300
PICKUP DAIHATSU DELTA
TRUCK IVECO 4X4 GS
TRUCK IVECO 4X4 GS
TRUCK LIGHT IVECO 1 TON
FFR

TRUCK LIGHT IVECO 1 TON
FFR

Lot 13 :
MOD 1161
MOD 1162
MOD 1150
MOD 157S
MOD 158S
MOD 159S

Keterangan :
BUS LARGE STARLINER
MERCEDES BENZ
BUS LARGE STARLINER
MERCEDES BENZ
BUS MEDIUM 22 SEATER
TOYOTA COASTER
BUS MEDIUM MITSUBISHI
ROSA
BUS MEDIUM MITSUBISHI
ROSA
BUS MEDIUM MITSUBISHI
ROSA

Lot 14 :
MOD 197K
MOD 198K
MOD 199K
MOD 200K
MOD 201K

Keterangan :
MOTOSIKAL HONDA 800
MOTOSIKAL HONDA 800
MOTOSIKAL HONDA 800
MOTOSIKAL HONDA 800

MOTOSIKAL HONDA 800

Lot 15 :
AMBT 021
AMBT 022
MOD 065T
MOD 183T
MOD 002T

Keterangan :
TRAILER ATA FSMT
TRAILER AVAGAS ¾ TON GS
TRAILER LANCER BANHSEE
TRAILER PUMP ZEIGLER TS800
PORTABLE

Tempat :
Kawasan Letak Kereta
Kenderaan Awam Mekanikal,
J.K.R Sinarubai

Jabatan / Kementerian :
Angkatan Bersenjata Diraja
Brunei

No.Rujukan Kebenaran
Kewangan :
KKWE / ADM / KEM / 2

Tarikh Kebenaran Kewangan :
22 RABIULAKHIR 1443
27 NOVEMBER 2021
15 SAFAR 1444
13 SEPTEMBER 2022
27 MUHARRAM 1444
29 OGOS 2022



**JABATAN KASTAM DAN
EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tawaran Kastam
Bil. 03 / 2023

Tawaran Bagi Membekal
Tudung Untuk Pegawai dan
Kakitangan Wanita, Jabatan
Kastam dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KASTAM DAN
EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tawaran Kastam
Bil. 05 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut
STK Untuk Pegawai-Pegawai
Jabatan Kastam dan Eksais
Diraja, Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
14 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Bagi
Sekolah Ugama
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 36 / 06

Nama Sekolah Arab :
Sekolah Ugama Penanjong,
Tutong II,

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00



(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Menghantar :
Rabu,
14 Ramadan 1444H /
5 April 2023,
Sebelum jam
12.00 Tengah Hari



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 047 / 2022

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Kereta bagi
Menjalankan Tugas Operasi dan
Pemeliharaan selama 12 Bulan

Peti Tawaran
Unit Pematuhan Proses
dan Manual
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Harga Dokumen :
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
'Tender Box'
Pengurusan



Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
ROCBN

Tarikh Tutup :
Selasa,
7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KUPU SB / JKJSJAMUAN /
2022 - 2023

BORANG TAWARAN
MEMBEKAL JAMUAN MAKAN
DAN MINUM BAGI KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN BAGI
TEMPOH SATU (1) TAHUN

Tarikh Akhir Mengambil
Borang Tawaran :



Selasa, 14 Syaaban 1444H /
7 Mac 2023

Tarikh Tutup Menghantar
Borang Tawaran :
Rabu,
15 Syaaban 1444H /
8 Mac 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

IMBASAN MINGGUAN



AMALAN gaya hidup sihat tetap diterapkan di dalam aktiviti seharian kita, salah satunya yang menjadi pilihan ramai iaitu aktiviti berbasikal yang begitu popular di negara kitani. - Foto : Hamzah Mohidin



MASYARAKAT dan orang ramai tidak melepaskan peluang untuk sama-sama memeriahkan acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2023 bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 tahun ini. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



MENGHIDUPKAN kembali warisan musik kitani, iaitu gulingtangan dalam kalangan generasi remaja negara antara yang dipersembahkan semasa acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2023 bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 tahun ini. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



UPACARA Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang berkibar megah di ruang angkasa Bandar Seri Begawan sejak 16 Februari yang lalu, berlangsung di ibu negara bagi menandakan berakhirnya pengibaran bendera di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SEBAHAGIAN daripada penuntut Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTM) semasa mengikuti Program Taklimat Kenegaraan bertempat di Dewan Serbaguna, PTM antara usaha Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara, di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut di negara ini. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



KAPAL Persiaran Oceania Nautica yang membawa kira-kira seramai 800 penumpang bersama anak kapalnya yang berlepas dari Cape Town, Afrika Selatan selamat tiba di Pelabuhan Muara, yang memberikan peluang untuk mereka bersiar-siar dan mengenali Negara Brunei Darussalam dengan lebih dekat lagi. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SYARIKAT PENGENDALI PAKEJ HAJI, UMRAH

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerusi Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa pada ketika ini sebanyak lapan buah syarikat yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan Perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah menggunakan Visa Umrah Arab Saudi bermula dari Tahun 1443 Hijrah hingga 1445 Hijrah.

Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut iaitu Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd.; Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Syarikat Continental Yachting Sdn. Bhd.; Syarikat Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Titian Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.

Selain itu, sukacita dimaklumkan bahawa sebanyak 15 buah syarikat yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan Perkhidmatan

Pakej Umrah Menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2023 Masihi.

Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut iaitu Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd.; Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Syarikat Continental Yachting Sdn. Bhd.; Syarikat Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Az Back to Nature Travel and Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Baraka Travel Services Sdn. Bhd.; Syarikat Baluriah Travel Sdn. Bhd.; Syarikat El-Abqari Travel and Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd.; Syarikat Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.

Dimaklumkan juga bahawa senarai terkini syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mengendalikan Perkhidmatan Pakej Haji, Pakej Umrah menggunakan Visa Umrah Arab Saudi dan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bolehlah disemak melalui laman sesawang rasmi KHEU (kheu.gov.bn) / Facebook (Kementerian Hal Ehwal Ugama)

atau berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji melalui talian, +673 2384478 dan e-mel, juh.kheu@mora.gov.bn.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat haji atau umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan syarikat-syarikat yang dibenarkan tersebut.

Seterusnya, syarikat-syarikat pengendali Perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah menggunakan Visa Umrah Arab Saudi dan syarikat-syarikat pengendali Perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi syarat-syarat dan

peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan sentiasa menjaga kemaslahatan serta kesejahteraan jemaah.

Jabatan Urusan Haji tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas syarikat-syarikat yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH (VISA UMRAH)	PAKEJ UMRAH (VISA PELANCONG ARAB SAUDI)
1	DARUSSALAM HOLDINGS SDN BHD	3 TAHUN (1443 HIJRAH HINGGA 1445 HIJRAH)	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN BHD		✓	✓	✓
3	CONTINENTAL YACHTING SDN BHD		✓	✓	✓
4	DAR EL EHSAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
5	RAUDAH AL-AMIN SDN BHD		✓	✓	✓
6	AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
7	TITIAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
8	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
9	AZ BACK TO NATURE TRAVEL & TOURS SDN BHD	1 TAHUN (2023 MASIHI)	✗	✗	✓
10	BALURIH TRAVEL SDN BHD		✗	✗	✓
11	EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
12	AL-BARAKA TRAVEL SERVICES SDN BHD		✗	✗	✓
13	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN BHD		✗	✗	✓
14	MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
15	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN BHD		✗	✗	✓

(Dikemaskini pada 11 Sya'ban 1444H bersamaan 04 Mac 2023M)

Senarai terkini bolehlah disemak melalui laman web rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama (kheu.gov.bn) / Facebook Kementerian Hal Ehwal Ugama atau berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji melalui talian: 238 4478 dan emel: juh.kheu@mora.gov.bn.

Pastikan perkhidmatan ejen pelancongan sah, berdaftar

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah pengawal selia bagi ejen pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Bab 239.

Mana-mana syarikat atau individu yang menjalankan apa-apa jua aktiviti yang berkaitan dengan ejen pelancongan seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Bab 239 tanpa lesen yang sah maka ia adalah menyalahi undang-undang di bawah Bahagian 11 (1), Akta Pelancongan, Bab 239.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman iaitu denda tidak melebihi BND10,000, penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan berterusan denda maksimum BND100 setiap hari boleh dikenakan di bawah akta yang sama.

Untuk makluman mana-mana syarikat yang berhasrat untuk mengendalikan sebarang aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan ejen pelancongan mestilah membuat permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mendapatkan lesen.

Seterusnya, bagi syarikat yang sudah berlesen dan bercadang untuk mengendalikan perkhidmatan haji ataupun umrah hendaklah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin menasihati kepada orang ramai untuk hanya membuat urusan dengan ejen-ejen pelancongan yang berlesen bagi

sebarang tempahan tiket, pakej percutian dan sebagainya sama ada di dalam ataupun luar negeri termasuk pakej haji dan umrah.

Pihak jabatan mengambil maklum buat masa ini terdapat aduan-aduan daripada orang ramai mengenai dengan syarikat-syarikat yang tidak berlesen yang menawarkan perkhidmatan pakej-pakej pelancongan sama ada di dalam atau luar negeri termasuk pakej umrah.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan sentiasa memantau mana-mana syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti ejen pelancongan tanpa lesen yang sah bagi menjaga kesejahteraan orang ramai.

Jabatan Kemajuan Pelancongan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti-aktiviti ejen pelancongan tanpa lesen yang sah.

Sehubungan dengan ini, sukacita Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin mengongsikan kepada orang ramai senarai ejen-ejen pelancongan terkini yang berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan di mana ia boleh didapati melalui laman sesawang www.tourism.gov.bn.

Ejen-ejen pelancongan yang berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan setakat 4 Mac 2023 ialah Al-Braka Travel Services Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Antara Travel and Tours; Anthony Tours and Travel Agency Sdn. Bhd.; Atika Arif Tours Sdn. Bhd.; AZ Back To Nature Travel and Tour Sdn. Bhd.; Baluriah Travel Sdn. Bhd.; Bonasia Holiday Management Services Sdn. Bhd.; Borneo Trekker Travel Agency Sdn. Bhd.; Bruvacation Sdn. Bhd.; Continental Yachting Sdn. Bhd.; Darussalam Services

Sdn. Bhd.; Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd.; El-Abqari Sdn. Bhd. dan Freme Travel Services Sdn. Bhd.

Seterusnya, Halim Tours and Travel Sdn. Bhd.; Hasa Incentives Sdn. Bhd.; Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.; JB Travel Agencies Sdn. Bhd.; J.J. Tour Services (B) Sdn. Bhd.; JSW Travel Services Sdn. Bhd.; Ken Travel and Trading Sdn. Bhd.; Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd.; Mas Sugara Travel Services Sdn. Bhd.; Mikie Tourist and Travel Agent Sdn. Bhd.; Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Oceanic Quest

Sdn. Bhd.

Diteruskan dengan, Pan Bright Travel Services Sdn. Bhd.; PGMB Travel Service Sdn. Bhd.; PJ Majestic Tours and Travel Sdn. Bhd.; Poni Groups Sdn. Bhd.; Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Southern Cross Travel Agencies Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd.; Sunshine Borneo Tours and Travel Sdn. Bhd.; Sky Travel and Tour Agency Sdn. Bhd.; Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; Travelhub Tours and Travel Sdn. Bhd. dan akhir sekali, Wing On Travel and Trading Sdn. Bhd.

Senarai ejen-ejen pelancongan tersebut akan sentiasa dikemaskini dan orang ramai digalakkan untuk sentiasa merujuk laman sesawang yang disediakan.

Jika ada sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan ejen-ejen pelancongan orang ramai bolehlah menghubungi talian +673 2382805 / +673 2382803 di waktu pejabat ataupun berhubung melalui e-mel enforcement@tourism.gov.bn.

Orang ramai juga boleh membuat aduan bagi ejen-ejen pelancongan yang disyaki tidak mempunyai lesen yang sah di talian dan e-mel yang sama.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Belia Penyumbang Penting Perkembangan Kampung'. Tarikh Tutup : 8 Mac 2023
2. 'Tingkatkan Aktiviti Fizikal Ke Arah Gaya Hidup Sihat'. Tarikh Tutup : 15 Mac 2023
3. 'Raih Ganjaran Pahala Berganda Ramadan'. Tarikh Tutup : 22 Mac 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MOHAMMAD HAZWAN NIZAM, SITI AMAL ZAKIAH JOHAN PERTANDINGAN TAZKIRAH

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyampaikan hadiah kepada Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim mewakili Masjid Kampung Birau dan Dayang Siti Amal Zakiah binti Haji Md. Yussof mewakili Masjid Sultan Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait johan Pertandingan Tazkirah Kumpulan Belia Masjid Senegara (kanan sekali dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim mewakili Masjid Kampung Birau dan Dayang Siti Amal Zakiah binti Haji Md. Yussof mewakili Masjid Sultan Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, masing-masing muncul johan bagi Kategori Belia Masjid dan Kategori Beliawanis Masjid pada Pertandingan Tazkirah Kumpulan Belia Masjid Senegara yang berlangsung di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Tazkirah anjuran Ahli



Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid merupakan satu medium bagi menyampaikan satu mesej kepada sekumpulan orang dalam masa yang pendek tetapi padat dengan isi yang disampaikan kepada pendengarnya.

Pertandingan tazkirah berkenaan dianjurkan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Tahun 1444H / 2023M.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk

memberi kemahiran tentang cara menyampaikan tazkirah dengan berkesan.

Di samping itu, untuk membentuk golongan pelapis Da'ie yang berkaliber selain dihasratkan untuk menyemai perasaan beragama yang mendalam di dalam jiwa belia khususnya, selain melahirkan golongan belia remaja yang berani berucap di khalayak ramai.

Seramai sembilan peserta lelaki dan lima peserta perempuan mengambil bahagian pda pertandingan berkenaan yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Belia Masjid dan Kategori Beliawanis Masjid.



Awang Haji Ar'Fan Calon Tunggal Penghulu Mukim Pengkalan Batu

>> Muka 12

Selain itu, menjadi contoh teladan (*role model*) kepada masyarakat mukim serta sebagai perantara dua hala Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan penduduk / masyarakat kampung sebagai mata, telinga, kaki dan tangan serta bertindak sebagai peneraju bagi mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan dan mengekalkan sistem pemerintahan bernegara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Awang Misle turut menambah, seorang Penghulu Mukim juga perlu bekerjasama rapat dengan Ketua-ketua Kampung dalam mukimnya dan mukim persekitarannya termasuk mengadakan perundingan atau permuazakarah dengan Majlis Perundingan Mukim serta Majlis-majlis Perundingan Kampung dan bersama anak buah kampung mengenai apa juga perkara berkebajikan, pembangunan, kesentosaan dan kesejahteraan mukim.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga Ketua Kampung Putat, Mukim Lumapas; Ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Mukim Pengkalan Batu.

2 cef tempatan harumkan nama negara



PERSATUAN Sutera dengan kerjasama Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Daerah Belait meraikan dua cef tempatan yang berjaya mengharumkan nama negara pada pertandingan 'Malaysia Culinary World Cup 2023' persada kuliner antarabangsa.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Sabtu, 4 Mac. - Persatuan Sutera dengan kerjasama Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Daerah Belait baru-baru ini meraikan dua cef tempatan yang telah berjaya mengharumkan nama negara pada pertandingan 'Malaysia Culinary World Cup 2023' persada kuliner antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Cawangan Perpustakaan DBP Kampung Pandan, Dayang Nursarfina Syazwani binti Muhd Khairin.

Dalam pertandingan 'Malaysia Culinary World Cup 2023' itu Cef Nooreen binti Awang Sapri

mendapat tempat kedua, manakala Cef Rohana binti Mahmud mendapat penghormatan selaku ahli barisan juri antarabangsa yang menghakimkan pertandingan bertaraf dunia.

Pada keraian itu Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Penasihat Persatuan Sutera, Awang Ramli Haji Chi yang berkata, "Kita turut berbangga dengan pencapaian anak tempatan kita di pertandingan yang menampilkan lebih 600 peserta antarabangsa termasuk dari Jepun, Korea, China dan Eropah.

"Majlis dianjurkan sebagai penghargaan atas pencapaian cemerlang mereka," ujar Penasihat

Persatuan Sutera itu.

Tambahnya, apa yang diraikan bukan sahaja kejayaan yang dicapai oleh para cef berkenaan, tetapi juga mempunyai semangat keberanian, yakin diri dan sifat daya saing tinggi yang dimiliki oleh kedua-dua chef tersebut.

"Nilai-nilai tinggi sebegini harus sama-sama kita hargai dan dijunjung tinggi agar anak tempatan yang berkemahiran rasa dihargai selain menjadi sumber inspirasi kepada yang lain", terangnya lagi.

Beliau juga berharap bahawa Persatuan Sutera akan terus berusaha ke arah sama-sama menjayakan wawasan negara untuk melahirkan rakyat dan penduduk yang berilmu dan berkemahiran.

Antara usaha yang sedang diunkayahkan oleh persatuan tersebut ialah akan menerbitkan buku resipi masakan Brunei dengan kerjasama DBP.

Selain itu, persatuan berkenaan juga dalam perancangan untuk menubuhkan sebuah Dapur Kulinari yang menyediakan kemudahan bagi kursus memasak, pembuatan kuih muih dan kursus perkhidmatan pelanggan ke arah mencapai hasrat Wawasan 2035.

Majlis yang berlangsung di Perpustakaan DBP Kampung Pandan itu turut dihadiri oleh Pemangku Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Pemangku Ketua Kampung Sungai Teraban, kakitangan DBP dan Ahli-ahli Persatuan Sutera.



PENASIHAT Persatuan Sutera, Awang Ramli Haji Chi semasa berucap.

جائز فراملان لكونومي دان سالتايست
FARMAN PENGALAN KEMERDEKAAN DAN KESEHATAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



EnEvo Sendirian Berhad – Atasi masalah sisa buangan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan

PENGHASILAN sisa sampah dari Negara Brunei Darussalam antara yang tertinggi di rantau ASEAN. Menurut Jabatan Alam Sekitar, Taman, dan Rekreasi (JASTRe), setiap hari, sekitar 400 hingga 500 tan sampah dihantar ke tempat pembuangan sampah di Sungai Paku, Tutong. Pada tahun 2015, dianggarkan bahawa setiap hari, seorang menghasilkan 1.4 kilogram sampah di mana 18 peratus daripadanya adalah kertas.

Environmental Evolution (EnEvo) Sendirian Berhad

Ruangan Belia Berwawasan kali ini memaparkan Environmental Evolution (EnEvo) Sendirian Berhad yang dimiliki oleh Dayang Siti Norasyidah binti Haji Kariya selaku pengarah syarikat tersebut dan diusahakan bersama dua rakan kongsi iaitu Tan Thiam Kui dan Frederick Wong. Dengan misi untuk menjadi sebuah pusat pemulihan sumber bagi kertas yang pertama di Negara Brunei Darussalam, EnEvo Sendirian Berhad ditubuhkan bagi membantu mengatasi masalah sisa buangan, dengan menawarkan

perkhidmatan yang dapat menyumbang kepada pengurangan sisa sekali gus meningkatkan jangka hayat tempat pembuangan sampah di negara ini.

Ditubuhkan pada tahun 2015, EnEvo Sdn. Bhd. merupakan pusat kitar semula pertama di Negara Brunei Darussalam dengan kemampuan teknologi yang memberi tumpuan kepada pemulihan kertas dengan menukarnya menjadi gulungan kertas tisu sederhana-rendah. Bertapak di Kompleks Perindustrian Seramangun, jenama tisu EnEvo merupakan produk tisu buatan tempatan pertama di negara ini.

Penghasilan tisu kitar semula

Tisu kitar semula itu dicipta dengan tujuan untuk mempertahankan persekitaran bumi, hanya dengan mengitar semula pulpa kertas. Dengan menggunakan tisu-tisu tersebut, EnEvo telah mendorong pengguna untuk menyelamatkan pokok dan menjadi sebahagian daripada penyelesaian strategi pengurusan sampah di negara ini. Selain itu, ia juga menyokong pembangunan warga tempatan, di samping menyumbang kepada ekonomi Brunei dan menjadikan Wawasan 2035 sebagai satu kenyataan.

Pemprosesan tisu-tisu kitar semula

diproses di kawasan seluas 720 meter persegi dan dilengkapi dengan mesin jentera mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Setiap mesin di kilang EnEvo, mempunyai fungsi masing-masing, bermula dari pembuatan pulpa, pencampuran, penyaringan kekotoran, rangkaian pembersihan, penghasilan kertas tisu, pemotongan tisu jumbo roll ke saiz kecil dan akhir sekali, pembungkusan.

Kilang tersebut mampu untuk mengitar maksimum sebanyak tiga tan kertas kitar semula dalam sehari dan menghasilkan sebanyak 60,000 gulungan tisu sehari. Manakala, jenis kertas yang digunakan untuk dikitar semula hanya jenis kertas standard iaitu kertas jenis A4 berwarna putih dan tidak tercemar dengan sisa makanan. Kertas-kertas yang digunakan bagi majalah-majalah dan surat khabar atau kertas jenis berkilat tidak dapat digunakan kerana ia akan menjejaskan penghasilan kertas tisu.

Harapan

Dayang Siti Norasyidah berharap EnEvo akan dapat meningkatkan kadar kitar semula kepada 30 peratus menjelang tahun 2035, dengan beroperasi untuk berkekalan kesan

minimum, serendah-rendahnya, terhadap kesihatan, keselamatan dan persekitaran operasi sepanjang hayat. EnEvo juga katanya, menggalakkan program kesedaran tentang pembuangan sampah dan memupuk sikap serta tingkah laku yang mesra alam dengan menerapkan prinsip 4R iaitu Mengurangkan, Guna semula, Kitar semula dan Pemulihan (Reduce, Reuse, Recycle and Recovery).

Dengan visi menyampaikan penyelesaian untuk cabaran kelestarian global, EnEvo mempunyai misi untuk menyokong pekerjaan dan pembangunan pekerjaan tempatan agar masyarakat tidak bergantung kepada industri minyak dan gas sahaja.

Menyentuh mengenai penghasilan sisa sampah dari negara ini yang tertinggi di rantau ASEAN, beliau berkata masyarakat perlu untuk sama-sama bertanggungjawab dalam menangani dan memikirkan masalah peningkatan sampah sarap dengan mengubah cara pemikiran untuk kebaikan masa depan sama-sama.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai EnEvo Sdn. Bhd. bolehlah terus melayari laman sosial Instagram @enevo_bn atau melalui Facebook EnEvo Brunei atau terus menghubungi talian +673 4220 838 atau e-mel sustain.enevo@gmail.com.



KACA bantu insan istimewa, beri bimbingan belajar hidup berdikari

Rencana dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

SETIAP kanak-kanak berhak hidup dalam dunia yang inklusif termasuk kanak-kanak yang kurang keupayaan. Kanak-kanak istimewa ini perlu diberi perhatian dan bimbingan yang istimewa dan tertentu agar mereka boleh belajar untuk hidup berdikari dalam menjalani kehidupan mereka dewasa kelak.

Justeru itu, Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) memperkenalkan Program Latihan dan Bimbingan di Rumah (Home Based) untuk 12 kanak-kanak KACA yang sudah dikenal pasti. Di peringkat awal program ini adalah pilot projek dan ia adalah dikhaskan bagi kanak-kanak yang mempunyai pelbagai kesukaran dalam pembelajaran dan tingkah laku. Pada masa ini seramai 112 kanak-kanak KACA mengikut aktiviti / program harian di ketiga daerah daripada 580 ahli pada masa ini.

Menerusi program ini, staf dan sukarelawan KACA akan membuat lawatan ke rumah, sekali gus membimbing dan melatih ibu bapa dan penjaga atau ahli keluarga dalam 3M. 3M ini ialah Melatih; Membimbing; dan Menilai, bagi memberi kepercayaan dan keyakinan diri kepada ibu bapa terhadap pemulihan dan bimbingan di rumah untuk anak-anak mereka yang memerlukan bimbingan tertentu. Beberapa program telah disusun mengikut keperluan kanak-kanak berkenaan dan rekod perkembangan serta kemajuan akan dicatat, bagi persediaan untuk memberi program seterusnya. Selain itu juga, pihak KACA akan merujuk mana-mana kes kepada agensi-agensi berkenaan untuk mendapat

bantuan atau khidmat selanjutnya dalam hal-hal rawatan dan pemulihan.

Projek rintis ini adalah untuk kanak-kanak yang belum berkesempatan datang ke Pusat KACA dan mereka masih lagi berada di rumah. Dengan adanya program ini, ia akan dapat membantu kanak-kanak KACA yang berada di rumah dalam waktu-waktu yang telah ditetapkan dalam beberapa bulan yang akan datang. Bagi peringkat awal, 12 kanak-kanak yang terpilih akan mengikuti program yang disusun oleh pihak KACA yang akan membuat lawatan ke rumah pada setiap Sabtu. Program ini juga akan dilaratkan lagi ke Daerah Tutong, Temburong dan Daerah Belait dalam waktu-waktu terdekat ini.

Pengisian program

Adapun, pengisian program yang bakal diketengahkan ketika para staf dan sukarelawan KACA membuat kunjungan ke rumah-rumah kanak-kanak istimewa yang terpilih nanti ialah bimbingan awal (early education) di peringkat awal sebolehnya mungkin. Staf dan sukarelawan KACA berkenaan akan melihat kebolehan dan perkembangan kanak-kanak tersebut dan apabila mereka nanti boleh mengikutinya dengan baik, maka mereka akan dihantar ke Pusat-pusat KACA untuk menjalani latihan seterusnya. Pada peringkat awal, program tersebut akan dibahagikan kepada tiga ke empat orang pada sesi pagi.

Harapan

Dengan adanya program berkenaan, para ibu bapa dan penjaga serta ahli keluarga

yang tinggal serumah dengan anak-anak istimewa berkenaan diharap akan dapat bersama-sama membantu kanak-kanak berkenaan bagi memudahkan lagi pelaksanaan Program Latihan dan Bimbingan di Rumah ini diterima dan InsyaaAllah program ini akan diperluaskan lagi pada masa akan datang.

Matlamat utama program

Matlamat utama program berkenaan di ketiga buah Pusat KACA, di kesemua daerah adalah sebagai *benchmark* untuk menempatkan segala kemudahan program bagi mewujudkan Institut Latihan Khas yang akan menyediakan fasiliti pemulihan dan pendidikan yang berasaskan Program Pendidikan Awal (Early Development) dan Pendidikan Khas (Special Education) dari peringkat anak damit hingga ke pra sekolah sekali gus ke Tahun 6 (1 - 12 tahun).

Mengenai Persatuan KACA

Pusat KACA adalah badan kebajikan / sukarela (Non-Profit Organization) yang ditubuhkan pada 27 Oktober 1986. Persatuan KACA ini adalah sinonim dengan membantu kanak-kanak istimewa sesuai dengan misi dan visi jangka panjang KACA.

Kunci kejayaan ini adalah terletak di jiwa semua warga KACA yang bersikap positif bagi kemajuan KACA sekali gus bagi kecemerlangan dan kegemilangan pusat berkenaan. Sejak penubuhannya hingga kini, KACA mendapat bantuan dana dari syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan kebajikan dan orang perseorangan. Bagi menambah pendapatan untuk tabung kewangan persatuan

berkenaan, beberapa aktiviti telah dirancang seperti walkaton yang akan diadakan dalam bulan Oktober 2023; dan Hari Terbuka KACA yang diadakan dari masa ke semasa.

Perancangan Persatuan KACA

Persatuan KACA merancang beberapa aktiviti sepanjang tahun 2023 bersempena 37 tahun penubuhannya.

Antara perancangan yang akan dilaksanakan :

- KACA sedang merancang untuk membuka Pusat KACA Cawangan Daerah Temburong pada tahun ini, yang mana pada masa ini terdapat 35 ahli di daerah berkenaan.

- Lawatan ke Pusat-pusat OKU keluar negeri iaitu Jakarta dan Bandung, Republik Indonesia oleh ibu bapa, sukarelawan dan staf KACA.


- Majlis Sambutan Hari Ibu KACA, sempena Hari Ibu Antarabangsa 2023 yang akan diadakan di KACA Cawangan Tutong pada 14 Mei 2023.

- Sukan Ria KACA yang akan diadakan pada 11 Mac 2023 di Pusat KACA Cawangan Tutong dan pada 18 Mac 2023 KACA Cawangan Belait.

- Doa Kesyukuran Sambutan Ulang Tahun Ke-37 KACA akan diadakan pada 10 Mac 2023.

- Khidmat Masyarakat oleh penuntut dari maktab / universiti di Pusat KACA sepanjang tahun dan kini enam orang penuntut sedang menjalankan Khidmat Masyarakat dari maktab / universiti berkenaan.

- Peraduan Senyum KACA 2023 kanak-kanak ibu bapa / sukarelawan pada 1 Jun 2023; dan beberapa program / aktiviti dari semasa ke semasa.



PUPUK SIKAP KERJASAMA DALAM KALANGAN PELAJAR



PARA pelajar Tahfiz Peringkat Menengah, Tahun 8, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa sesi bergambar ramai pada Program Aktiviti Kerja Berpasukan dianjurkan oleh mahasiswa dan mahasiswi Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah (Pra-Perkhidmatan dan Latihan Dalam Perkhidmatan) KUPU SB.

Kumpulan Bajarih, Kumpulan Baluriah dan Kumpulan Badikari.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program tersebut ialah seperti Lead The Way, Invention Time, Flying Pen, Memory Chain dan Tower Building.

Program juga diteruskan dengan penyampaian hadiah serta sijil penyertaan kepada peserta yang terlibat yang disempurnakan oleh Pensyarah KUPU SB, Awang Mohammad Amriol bin Abdul Rahim dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Objektif program ini diadakan adalah untuk melahirkan pelajar agar matang dalam menangani cabaran, memupuk sikap kerjasama, melatih pelajar membuat keputusan dan penyelesaian masalah secara berkumpulan.

Selain itu, dalam kalangan jawatankuasa pengendali dan pelajar-pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi, mengasah bakat kepimpinan untuk menjadi pemimpin yang cemerlang dan dapat mewujudkan nilai-nilai kepimpinan dalam kalangan generasi muda yang intelek, proaktif, berkualiti, berdisiplin, berdaya tahan dan berinovasi.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Program Aktiviti Kerja Berpasukan bagi Pelajar-pelajar Tahfiz Peringkat Menengah, Tahun 8, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) berlangsung hari ini bertempat di pekarangan depan Blok Pentadbiran institut berkenaan.

Program ini dianjurkan oleh mahasiswa dan mahasiswi Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah (Pra-Perkhidmatan

dan Latihan Dalam Perkhidmatan) Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang dikelola oleh Pusat Ilmu Teras di bawah Program Kursus Pengurusan Kokurikulum, Semester 2, 2022 / 2023.

Dalam pada itu, program ini adalah sebahagian daripada tugas wajib para mahasiswa dan mahasiswi dan dikehendaki untuk mengelola, mengurus dan seterusnya melaksanakan satu program kokurikulum sebagai

pendedahan awal terhadap tatacara pelaksanaan aktiviti yang akan dihadapi suatu hari nanti.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit. Turut hadir, pegawai-pegawai, guru-guru ITQSHHB dan ahli-ahli jawatankuasa.

Aturcara program ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Muhd. Azim bin Haji Baha selaku Pengerusi Program Aktiviti 'Kerja Berpasukan', diikuti

dengan ucapan alu-aluan daripada tetamu kehormat majlis dan perasmian program.

Seterusnya, penerangan aktiviti, pembahagian pelajar kepada kumpulan masing-masing dan aktiviti Kerja Berpasukan dimulakan.

Program Kerja Berpasukan ini melibatkan seramai 30 pelajar yang terdiri daripada pelajar peringkat menengah Tahun 8L-1 Al-Imam Ibnu 'Aamer dan Tahun 8L-2 Al-Imam Al-Bukhari dan mereka telah dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu Kumpulan Bakarih,

18 pain darah berjaya dikutip

Berita dan Foto oleh:
Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

SENGKURONG, Sabtu, 4 Mac. - Sebanyak 18 pain darah berjaya dikutip pada Majlis Derma Darah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-39 Tahun yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Nazmi bin Haji Abu Bakar dan Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang.

Majlis anjuran MPK Jerudong 'A' dan Jerudong 'B' yang dikendalikan oleh Jerudong Park Medical Centre (JPMC) berkenaan antara lain bertujuan untuk membantu tabung derma

darah negara dan untuk membarigakan kepada penduduk-penduduk kampung supaya berminat kepada menderma darah, selain untuk membantu orang yang memerlukan darah tambahan kelak.

Juga hadir, ahli-ahli MPK dan penduduk-penduduk kampung daripada Kampung Jerudong 'A' dan Kampung Jerudong 'B'.



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah anjuran MPK Jerudong 'A' dan Jerudong 'B' yang dikendalikan oleh Jerudong Park Medical Centre.



ANTARA aktiviti yang diadakan pada program tersebut (atas dan bawah).



BAHTERA LANGKASUKA DIBANGUNKAN DI PUSAT SAINS NEGARA CAWANGAN WILAYAH UTARA



ALOR SETAR, 5 Mac. - Galeri Pameran Sains Kanak-Kanak Interaktif Terbesar di Wilayah Utara, iaitu Bahtera Langkasuka, akan dibangunkan di Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara (PSNCWU) dekat sini, yang dijangka siap pada bulan Oktober.

Pengarah Pusat Sains Negara (PSN), Mismah Jimbun berkata galeri pameran itu akan

dibangunkan dengan keluasan 500 meter persegi yang boleh memuatkan sehingga 100 pengunjung pada satu-satu masa dan bertemakan maritim, bagi membawa pengunjung menjelajah Sains dalam laut.

"Galeri ini dipersembahkan dengan persekitaran yang kondusif, reka bentuk yang menarik, interaktif dan secara terus bagi merangsang keseronokan

belajar, menimbulkan minat dan perkembangan minda kanak-kanak," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Arthur Joseph Kurup turut mengadakan lawatan kerja ke PSNCWU hari ini, bagi memantau proses pembinaan dan pembangunan galeri pameran itu.

Mismah berkata galeri pameran

itu akan menentengahkan bahan pameran interaktif, bermula daripada konsep perkembangan kognitif kanak-kanak sehingga bahan pameran yang berkonsepkan literasi digital, yang bersesuaian dengan perkembangan trend terkini.

"Galeri Bahtera Langkasuka ini akan terbahagi kepada dua zon, iaitu Laksamana Pintar untuk kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun dan Nakhoda Cilik untuk kanak-kanak berumur setahun

hingga enam tahun. Galeri ini juga akan menempatkan sebanyak 11 bahan pameran interaktif yang sesuai dengan perkembangan trend terkini untuk kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata dengan pembukaan galeri baharu itu nanti, dijangkakan PSNCWU bakal menarik pengunjung seramai 20,000 orang sekitar Wilayah Utara. - ©BERNAMA

Masjidil Haram mula guna AI untuk pastikan operasi menjelang Ramadan 1444H lancar

MEKAH, 4 Mac. - Masjidil Haram mula menggunakan sepenuhnya aplikasi kecerdasan buatan (AI) termaju untuk melancarkan operasi menerima kunjungan jemaah pada Ramadan tahun 1444 hijrah ini.

Presiden Ketua Umum Hal Ehwal Dua Masjid Suci, Sheikh Dr. Abdulrahman Al Sudais berkata usaha pemodenan terhadap pelan operasi terbesar dalam sejarah Masjidil Haram ini diaktifkan selepas setahun kajian dan perancangan dijalankan.

Melalui operasi ini, para jemaah dapat memanfaatkan robot pintar dan aplikasi elektronik yang

membantu memudahkan mereka melaksanakan ibadah, kata beliau lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Selain itu sebanyak 230 ruang solat di Masjidil Haram akan dibuka untuk menerima kunjungan jemaah sepanjang Ramadan tahun ini.

Katanya, semua pintu termasuk di bahagian Masjidil Haram yang telah menjalani proses naik taraf sebanyak tiga kali telah pun dibuka bagi memastikan kelancaran proses keluar masuk jemaah sepanjang bulan itu.

Pintu khas untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU)

turut disediakan pihak masjid bagi memudahkan urusan golongan itu.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung Pentadbiran Am Operasi dan Penyelenggaraan Masjidil Haram Fares bin Mafouz Al Saedi berkata pihaknya telah meningkatkan kecekapan dan tenaga operasi aset Masjidil Haram untuk memastikan penyelenggaraan di masjid itu pada tahap optima, bagi mewujudkan suasana yang selesa dan selamat bagi jemaah yang mengunjungi Masjidil Haram. - ©BERNAMA

Dua pegawai skuad pemusnah bom maut, seorang parah dalam letupan bom di Narathiwat

NARATHIWAT, 4 Mac. - Dua pegawai skuad pemusnah bom maut dan seorang lagi cedera parah dalam satu insiden letupan bom di Narathiwat, selatan Thailand pada Jumaat.

Dalam kejadian kira-kira 3.30 petang (waktu tempatan) pada Jumaat, sebutir bom buatan sendiri diletupkan ketika konvoi pasukan keselamatan yang membawa Timbalan Komander Tentera Bahagian Keempat, Mejar Jeneral Paisan Nusang melalui tempat kejadian.

Ketua Polis Si Sakhon kolonel Pakkawat Wansanook berkata

konvoi pasukan keselamatan itu dalam perjalanan ke tempat kejadian letupan bom dan berbalas tembakan di sebuah markas renjer di Kampung Air Kasea di Si Sakorn yang berlaku pada Khamis.

Tempat kejadian letupan bom pada Jumaat terletak kira-kira 800 meter dari markas renjer itu.

"Apabila konvoi pasukan keselamatan tiba di tempat kejadian, sebutir bom buatan sendiri yang ditanam di tepi jalan diletupkan.

"Letupan yang kuat menyebabkan *military jammer vehicle* yang dinaiki skuad

pemusnah bom melambung dan terbalik. Dua anggota skuad pemusnah bom meninggal dunia di tempat kejadian manakala seorang lagi cedera parah.

"Sekumpulan lelaki tidak dikenali turut melepaskan tembakan ke arah konvoi pasukan keselamatan. Insiden berbalas tembakan berlanjutan kira-kira lima minit sebelum beredar dari tempat kejadian," katanya kepada pemberita di sini.

Pakkawat berkata Paisan yang berada dalam satu daripada empat kenderaan konvoi itu tidak mengalami kecederaan. - ©BERNAMA

Biden terima kunjungan Canselor Jerman, adakan rundingan di Rumah Putih

WASHINGTON, 4 Mac. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden pada Jumaat menerima kunjungan Canselor Jerman Olaf Scholz di Rumah Putih untuk mengadakan rundingan tertutup, ketika sekutu NATO berusaha mengekalkan perpaduan, lapor Agensi Anadolu.

Dalam ucapan ringkas di hadapan wartawan, Biden mengucapkan terima kasih kepada Scholz atas perubahan bersejarah yang dilakukan oleh Jerman, sambil menyatakan bahawa terdapat peningkatan perbelanjaan pertahanan berikutan perang

Rusia ke atas Ukraine.

Biden berkata: "pemimpin Jerman itu mempertingkatkan sokongan ketenteraan kritikal dan sokongan moral untuk Ukraine."

"Sebagai sekutu NATO, kami menjadikan pakatan itu lebih kuat dan lebih berkemampuan," kata Biden.

Lawatan itu adalah kunjungan kedua Scholz sejak Biden memegang jawatan.

Scholz berkata adalah sangat penting untuk bertindak bersama-sama berhubung perang

Rusia yang kini memasuki tahun kedua dan Jerman boleh memberikan sokongan yang diperlukan kepada Ukraine.

"Pada masa ini, saya fikir adalah sangat penting untuk kita terus berbuat demikian selagi ia perlu..." katanya.

Terdahulu pada Jumaat, Washington mengumumkan pakej bantuan ketenteraan baharu untuk Ukraine bernilai AS\$400 juta, yang sebahagian besarnya terdiri daripada peluru untuk sistem senjata yang dibekalkan sebelum ini. - ©BERNAMA

Guterres sambut baik pemuktamadan Perjanjian Laut PBB

NEW YORK, 5 Mac. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) António Guterres mengalu-alukan pemuktamadan teks Perjanjian Laut PBB untuk memastikan pemuliharaan dan penggunaan mampan kepelbagaian biologi marin kawasan di luar bidang kuasa negara.

"Setiausaha agung memuji perwakilan kerana memuktamadkan teks untuk memastikan pemuliharaan dan penggunaan mampan kepelbagaian biologi marin kawasan di luar bidang kuasa negara," kata jurucakap Guterres dalam satu kenyataan.

Ia satu kemenangan untuk multilateralisme dan usaha global menentang trend kemusnahan yang dihadapi lautan kepada generasi sekarang dan akan datang.

Usaha ini penting untuk menangani tiga krisis planet iaitu perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pencemaran.

Ia juga penting untuk mencapai matlamat dan sasaran berkaitan lautan bagi Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan dan Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal, menurut kenyataan itu, lapor Xinhua.

Guterres memuji usaha semua pihak dan berharap dapat meneruskan kerjasama untuk memastikan lautan yang lebih selamat, berdaya tahan dan produktif. - ©BERNAMA

12 maut akibat kebakaran saluran paip di Nigeria

MAIDUGURI (Nigeria), 4 Mac. - Sekurang-kurangnya 12 orang terbunuh pada Jumaat selepas letupan dan kebakaran saluran paip berlaku berhampiran kilang penapisan minyak haram di Nigeria, lapor Agensi Anadolu.

Jurucakap polis Grace Iringe-Koko berkata letupan berlaku ketika mangsa sedang mencuri minyak mentah dari saluran paip di kawasan terpencil Emuoha di selatan Rivers State.

Pihak polis mendapati letupan itu mempunyai kaitan dengan aktiviti mencuri minyak, katanya kepada wartawan.

Menurut penduduk angka korban lebih ramai berbanding jumlah yang diberikan oleh polis.

"Kira-kira 20 orang, kesemua beliau, terbunuh dalam kejadian itu. Kami tidak dapat pergi ke sana kerana sekatan keselamatan," kata Clement Kekemo kepada Anadolu.

Aktiviti mencuri minyak dan penapisan haram adalah perkara biasa di wilayah Niger Delta, kata jurutera petroleum di kawasan itu, Yahaya Adebisi. - ©BERNAMA

Hasil Twitter menurun 40 peratus pada Disember

MOSCOW, 4 Mac. - Hasil yang diperoleh Twitter pada Disember 2022 menurun kira-kira 40 peratus berbanding Disember 2021, selepas pengiklan enggan bekerjasama dengan rangkaian sosial itu, lapor Sputnik.

The Wall Street Journal melaporkan pada Sabtu yang memetik sumber, keengganan pengiklan itu mempunyai kaitan dengan pemerolehan rangkaian sosial itu oleh SpaceX dan pemilik Tesla, Elon Musk.

Pada akhir Oktober, Musk memuktamadkan pemerolehan AS\$44 bilion Twitter, sebuah syarikat Amerika Syarikat (AS) yang diasaskan pada 2006 dan beribu pejabat di San Francisco, California.

Berikutan pengambilalihan itu, Musk melaksanakan pembaharuan dalam aspek operasi harian syarikat termasuk pemberhentian eksekutif yang bertanggungjawab ke atas privasi, keselamatan siber dan penapisan serta kira-kira dua pertiga daripada pekerja Twitter. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



TARIK MINAT BELIA TERHADAP SUKAN TEMPUR

Oleh : Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

PEMANGKU Ketua Kampung Panchor, Awang Muhammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman semasa menyampaikan ucapan (kiri sekali). Sementara gambar tengah dan kanan, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan orang ramai ketika menyaksikan Pertunjukan Latihan Boxing dan Kickboxing daripada atlet Wolfpack Training Ground.



TUTONG, Ahad, 5 Mac. - Boxing dan Kickboxing adalah sukan tempur (*combat sport*) dan juga seni bela diri yang sangat bermanfaat untuk meningkatkan tahap kecergasan diri.

Boxing menggunakan gerakan menumbuk dan mengelak tumbukan dari lawan, sementara Kickboxing menggabungkan gerakan menumbuk dan menendang sekali gus mengelak gerakan-gerakan tersebut dari lawan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Ketua Kampung Panchor,

Awang Muhammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman semasa menyampaikan ucapannya pada Pertunjukan Latihan Boxing dan Kickboxing sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 anjuran bersama Wolfpack Training Ground dan MPK Kampung Panchor yang berlangsung di Pasar Malam Seri Kenangan, Tutong, di sini.

Beliau seterusnya menjelaskan *sparring* pula adalah simulasi perlawanan dalam

pertandingan, beradu tenaga tanpa menggunakan kekuatan sepenuhnya, satu latihan dalam seni bela diri yang mengutamakan teknik dan strategi untuk mengalahkan lawan.

Tujuan utama acara ini adalah untuk memberi peluang bagi para peserta atlet dari Wolfpack Training Ground memaparkan bakat mereka dalam Boxing dan Kickboxing, sekali gus untuk menarik minat belia terhadap sukan tersebut, terangnya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan

seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai.

Majlis antara lain diharap agar dapat membantu meningkatkan sokongan, kerjasama dan minat dari masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti sukan tempur, selain untuk memupuk semangat warga ke arah menjalani kehidupan sihat.

MPK Danau anjurkan Acara Song Noh Jatie Li Danau



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat semasa menyertai Acara Song Noh Jatie Li Danau sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Tahun anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Danau, antara lain diisikan dengan Kayuhan Berbasikal dan Walkaton Santai menyusur Pantai Danau (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Ahad, 5 Mac. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Danau pagi tadi mengadakan Acara Song Noh Jatie Li Danau sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Tahun yang berlangsung di Gelanggang Sukan

Kampung Danau, Tutong, di sini.

Song Noh Jatie Li Danau ialah bahasa dialek Puak Dusun di Daerah Tutong yang digunakan sebilangan keluarga di Kampung Danau sebagai bahasa tuturan bersama keluarga dan teman-teman sekampung

yang membawa maksud 'Mari tah kitani ke Danau'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Acara antara lain diisikan dengan Kayuhan Berbasikal yang bermula dari Gelanggang Sukan Kampung Danau dan

seterusnya keluar menuju ke Lebuhraya Telisai dan berakhir semula ke tapak Gelanggang Sukan Kampung Danau di mana tempat ia bermula.

Kayuhan yang mengambil jarak kayuhan lebih kurang sejauh 30km tersebut disempurnakan pelepasannya oleh tetamu kehormat.

Sejurus setelah itu, walkaton santai menyusur Pantai Danau sejauh lebih kurang 3km bagi penduduk-penduduk Kampung Danau dan orang ramai kemudiannya dilancarkan dan turut disertai oleh tetamu kehormat.

Acara turut diserikan dengan sukan kecil seperti perlawanan bola sepak lima orang sepasukan, pertandingan merambat dan pertandingan mengolek buah kelapa, serta menyusur Sungai Danau menggunakan perahu tambang ke destinasi yang ditetapkan mengikut kadar tambang yang dikenakan.

Jualan-jualan produk kampung hasil daripada penduduk kampung turut diadakan pada majlis berkenaan.

Song Noh Jatie Li Danau antara lain bagi memperkenalkan Kampung Danau kepada orang ramai mengenai keindahan pantai dan sungainya yang mempunyai keindahan alam semula jadi, serta untuk memperkenalkan tempat-tempat yang bersejarah di kampung tersebut seperti Jambatan Feri Danau dan juga rumah pendudukan Jepun pada masa dahulu.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERASUAH : IBADAH SEMBAHYANG, DOANYA TIDAK DITERIMA OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA